



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PUTEH MARIAH TOKOH POLITIK
WANITA PEJUANG KESEDARAN
KEMERDEKAAN
1946-1957**

MOHAMED JEFFERI BIN HJ. MAT LAZIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(SEJARAH)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (\)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

| | | |
|--|--|--|
| | | |
| | | |
| | | |

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 13 (hari bulan) OGOS (bulan) 2019.

i. Perakuan pelajar :

Saya, MOHAMED JEFFERI BIN HJ. MAT LAZIM, P20121000787, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk PUTEH MARIAH TOKOH POLITIK WANITA PEJUANG KESEDARAN KEMERDEKAAN 1946-1957 adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR DR. ISHAK BIN SAAT dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PUTEH MARIAH TOKOH POLITIK WANITA PEJUANG KESEDARAN KEMERDEKAAN 1946-1957 dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi syarat untuk memperoleh Ijazah DOKTOR FALSAFAH (SEJARAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia





INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

PUTER MARIAH TOKOH POLITIK WANITAPEJUANG KEDARLAN TEMERDEKAAN 1946-1957

No. Matrik / Matric No.:

P2012/000787.

Saya / I :

MOHAMED JEFFERI BIN HAJI MIZ LAZIM

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

21.7.2020

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)**PROFESSOR DR. ISHAK BIN SAAT**

Professor

Jabatan Sejarah

Fakulti Sains Kemanusiaan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkusa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan kasih sayang-Nya, saya dapat menyiapkan tesis ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Pertamanya, ingin saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Tajaan Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memberi peluang untuk saya melanjutkan pengajian. Sekalung budi sejuta penghargaan juga saya sematkan kepada penyelia utama, Profesor Dr Ishak bin Saat dan penyelia kedua, Profesor Madya Dr Khairi bin Ariffin yang banyak membimbing sehingga saya mampu menitipkan noktah yang terakhir bagi tesis ini. Doa dan hadiah Alfatihah kepada Allahyarhammah Puteh Mariah yang menjadi tajuk tesis ini kerana Allahyarhammah adalah tokoh terbilang yang sepatutnya dikenang sepanjang zaman. Ucapan penghargaan yang tidak terhingga kepada kedua anak Allahyarhammah, Tuan Zain Azhari bin Tan Sri Zainal Abidin dan Cik Zainee Khamariah binti Tan Sri Zainal Abidin yang berkongsi bahan, pengalaman dan pengesahan berkaitan perihal bonda mereka. Jutaan terima kasih juga kepada Profesor Datuk Paduka Dr Ramlah Adam, Profesor Emeritus Datuk Dr Amir Awang, Profesor Madya Datin Dr Mahani Musa, Datuk Abdul Wahab bin Abdul Majid dan Puan Alina Ranee, yang mana saya mendapat banyak maklumat berkaitan kajian saya ketika menemubual mereka. Juga saya ungkapkan terima kasih yang tidak ternilai kepada tokoh yang sempat saya temubual namun telah menemui Ilahi iaitu Datuk Siti Rahmah binti Hajin Kassim (Gelang Merdeka), Tan Sri Aziz Tapa dan Mendiang Profesor Emeritus Tan Sri Dato Dr Khoo Kay Kim. Sukar saya nyatakan dengan perkataan betapa bertuahnya saya diberi kesempatan oleh Allah ditemukan dengan tokoh-tokoh pejuang hebat ini. Kepada Allah jua saya panjatkan doa agar segala pengorbanan yang telah mereka curahkan diterima sebagai ibadah di sisi-Nya. Kepada Kakanda A.Zamberi Malek, terima kasih kerana mencetuskan idea untuk saya menulis tentang Puteh Mariah ini. Begitu juga dengan individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung yang tidak mungkin saya sebutkan semuanya di sini, terima kasih. Saya juga bersyukur kerana dilimpahi kasih sayang oleh Allahyarham ayahanda saya Tuan Haji Mat Lazim bin Mat Hussain, semasa hayatnya, dan walaupun sedang terlantar, ketika itu saya bergelut menyiapkan tesis ini, sehinggalah beliau menghembuskan nafas terakhir pada 17.6.2018. Walaupun tidak mampu berkata-kata, namun dari renungan matanya saya tahu dia amat sayangkan saya dan sentiasa menyokong saya. Terima kasih dan ampunkan abangcik, "De". Begitu juga dengan bonda tersayang Puan Hajah Siti Aeshah binti Sudin, Kakanda Sofiah binti Haji Mat Lazim, Allahyarham Kakanda Mohamad Fakharurazi bin Haji Mat Lazim, Allahyarhammah Kakanda Nor Asma binti Haji Mat Lazim, Kakanda Nor'Aini binti Haji Mat Lazim dan Adinda Profesor Madya Dr Mohamad Azwani Shah bin Haji Mat Lazim, umpama lautan tidak bertepi begitu jugalah kasih sayang saya kepada kalian yang tiada penghujungnya. Buat isteri tersayang Dr. Mariah binti Kamaruddin, pengorbanan mu terhadap diri ini, hanya *Jannah* selayak tempat mu. Buat anak-anak, Nurul Atirah, Abulaith, Mohamad Azim Shah, Mohamad Akiff Shah dan Nurul Aisyah Humaira kalianlah anugerah yang tiada galang gantinya. Terima kasih kerana bersabar dan memahami. Semoga kalian menjadi anak-anak yang soleh dan solehah, berjaya di dunia dan di akhirat. Semoga tesis ini bermanfaat kepada semua dan kepada Allah jugalah saya berserah...





ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji peranan Puteh Mariah sebagai tokoh politik wanita yang berjuang membawa kesedaran kemerdekaan di Tanah Melayu sekitar tahun 1946 hingga 1957. Kajian ini menilai ketokohan, perjuangan dan peranan beliau dalam memberi kesedaran kepada kaum wanita dan orang Melayu bagi menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Kajian ini mengetengahkan ketokohan beliau sebagai seorang ahli politik dan menilai perjuangan beliau dari aspek politik, pendidikan, sosio ekonomi dan kebijakan orang Melayu. Sumber primer dan sekunder digunakan termasuk temubual bersama anaknya dan rakan seperjuangannya. Dapatan temubual menunjukkan beliau seorang tokoh politik yang komited dalam perjuangan membela nasib orang Melayu. Puteh Mariah adalah Ketua Kaum Ibu UMNO yang pertama namun tidak dikenali jika dibandingkan dengan Ketua Kaum Ibu UMNO yang lain. Beliau aktif berjuang dan sumbangan terhebat Puteh Mariah adalah kejayaan beliau membawa kesedaran kepada lebih 16,000 kaum wanita dari serata negeri untuk bersatu di bawah Kaum Ibu UMNO bagi merealisasi kemerdekaan Tanah Melayu. Pencapaian ini merupakan satu revolusi kebangkitan kaum wanita yang hebat, bersatu melaungkan kemerdekaan Tanah Melayu. Beliau memegang berbagai jawatan berkaitan kepentingan wanita dan orang Melayu. Atas sumbangan dan keistimewaannya, beliau telah dikenali sebagai "*the one and only*" oleh *New Straits Times*. Sebagai seorang ahli politik dan ahli Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu 1948-1955, beliau melaksanakan tanggungjawabnya dengan cemerlang memperjuangkan isu-isu berkaitan kaum wanita dan orang Melayu. Halangan dan cabaran yang beliau hadapi adalah membawa kaum wanita Melayu keluar dari adat dan pemikiran sempit masyarakat Melayu pada ketika itu, keberanian dan semangat juang yang tinggi akhirnya beliau berjaya menerobos adat dan pemikiran sempit masyarakat Melayu. Suara wanita ini didengari hingga ke peringkat kebangsaan dan membantu menumbangkan Malayan Union. Implikasi kajian ini menunjukkan sumbangan serikandi pejuang politik ini dapat mengubah masyarakat dalam membebaskan tanah air daripada belenggu penjajah. Puteh Mariah merupakan tokoh politik wanita yang berjasa dalam memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Kesimpulannya, kajian ini mendapati Puteh Mariah memiliki beberapa ciri istimewa seperti kebijaksanaan, keberanian, kesungguhan dan jati diri yang kental menyebabkan beliau berjaya dalam matlamat politik dan perjuangannya. Implikasi kajian ini menunjukkan sumbangan serikandi pejuang politik ini dapat mengubah masyarakat dalam membebaskan tanah air daripada belenggu penjajah.





PUTEH MARIAH AS WOMEN NASIONALIST IN INDEPENDENCE AWARENESS FIGHTING 1946-1957

ABSTRACT

The purpose of this study is to explore the role of a female politician Puteh Mariah, whom brings the importance independence awareness of Malaya between 1946 to 1957. This research evaluated her charisma, fights, actions and roles in raising the awareness among women and Malays to get independence for Malaya. This exploration also focused on her leadership as a politician and appraised the challenges from different aspects; politic, education, socio-economy and charity among Malays. Primary and secondary sources have been used in this research, including interviews of her children and colleagues. The findings showed that she was a committed political leader engaged in Malays rights. Although Puteh Mariah was the first UMNO-Woman Association women leader however, she was unrecognized compared to other UMNO-Woman leaders. One of her greatest contribution was raising the awareness among more than 16, 000 women from every state to unite under UMNO-Woman Association to fight for Malaya independence. Besides successfully created a revolution among the women, she was also appointed for many positions that related to female's and Malays' rights. Due to her contributions and specialty, she was known as 'the one and only' by *New Straits Times*. As a member of Legisglative Council for Federation of Malaya from 1948 to 1955, she has thrivingly carried out her responsibility to support issues related to female's and Malays' rights. The main challenge that she has dealt was to bring Malay women out of culture and narrow minded of conventional Malay's society. Due to the courageous and high hostility, she has successfully overcome this main challenge by breaking through the traditional narrow-minded Malay society. Her voice was listened up to the national level and helped the downfall of the Malayan Union. This study predicated that Puteh Mariah was one of woman political leaders whom contributed toward the achievement of Malaya independence. As a conclusion, this study established that Puteh Mariah has special character such as intelligent, braved, determined and strong identity which devoted in success of her political goals and endeavors. The implication of this study showed that the nationalist contributions able to free a country from a colonization.





KANDUNGAN

Muka surat

| | |
|---|-----|
| PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN | ii |
| BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| ABSTRACT | vi |
| KANDUNGAN | vii |
| SENARAI JADUAL | xi |
| SENARAI RAJAH | xii |



| | |
|-------------------------|----|
| SENARAI LAMPIRAN | xv |
|-------------------------|----|

BAB 1 PENGENALAN

| | | |
|-----|---------------------|----|
| 1.1 | Pendahuluan | 1 |
| 1.2 | Permasalahan Kajian | 6 |
| 1.3 | Objektif Kajian | 9 |
| 1.4 | Batasan Kajian | 9 |
| 1.5 | Kajian Lepas | 10 |
| 1.6 | Metodologi Kajian | 47 |
| 1.7 | Kepentingan Kajian | 50 |
| 1.8 | Pembahagian Bab | 51 |
| 1.9 | Kesimpulan | 53 |





BAB 2 LATAR BELAKANG PUTEH MARIAH

| | | |
|-----|---|----|
| 2.0 | Pengenalan | 54 |
| 2.1 | Pendahuluan | 54 |
| 2.2 | Susur-galur Keluarga | 56 |
| 2.3 | Pendidikan Awal | 59 |
| 2.4 | Perkahwinan | 62 |
| 2.5 | Personaliti | 72 |
| 2.6 | Puteh Mariah adalah “ <i>The One And Only</i> ” | 85 |
| 2.7 | Jawatan-jawatan Yang Disandang Puteh Mariah | 86 |
| 2.8 | Kesimpulan | 88 |

BAB 3 PENGLIBATAN PUTEH MARIAH DALAM BIDANG POLITIK



| | | |
|-------|--|-----|
| 3.1 | Pendahuluan | 89 |
| 3.2 | Ideologi Puteh Mariah | 95 |
| 3.3 | Nasionalisme Melayu | 97 |
| 3.4 | Malayan Union | 103 |
| 3.5 | Perikatan Melayu Perak | 113 |
| 3.6 | United Malay National Organisation (UMNO) | 123 |
| 3.6.1 | Ideologi UMNO | 131 |
| 3.6.2 | Kongres Melayu Pertama 1946 | 133 |
| 3.6.3 | Penubuhan Kaum Ibu UMNO | 136 |
| 3.6.4 | Pegawai Perkara-perkara Kaum Ibu Jabatan Kaum Ibu | 139 |
| 3.6.5 | Setiausaha Jabatan Kaum Ibu dan Kebajikan Am | 151 |





| | | |
|-------|---|-----|
| 3.6.6 | Perlantikan Sebagai Naib Yang Di Pertua (Perempuan) UMNO | 157 |
| 3.6.7 | Perlantikan Sebagai Ahli Jawatankuasa Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu (<i>Federal Legislative Council, Federation of Malaya</i>) | 159 |
| 3.6.8 | Meletak Jawatan Sebagai Naib Yang Di Pertua (Perempuan) UMNO | 161 |
| 3.6.9 | Puteh Mariah Meninggalkan UMNO | 167 |
| 3.7 | Perjuangan Puteh Mariah Dalam Kaum Ibu UMNO | 176 |
| 3.7.1 | Pejuang Terhadap Diskriminasi Gender Dalam Berpolitik | 178 |
| 3.7.2 | <i>Scholarship</i> UMNO Untuk Kanak-kanak Perempuan Dan Lelaki | 179 |
| 3.7.3 | Pejuang Wanita | 181 |
| 3.7.4 | Sederhana Dalam Penampilan | 182 |
| 3.8 | Menyertai <i>Independence Malayan Party (IMP)</i> | 183 |
| 3.9 | Menyertai Parti Negara | 186 |
| 3.10 | Kesimpulan | 191 |

BAB 4 PERANAN PUTEH MARIAH SEBAGAI AHLI POLITIK

| | | |
|-------|---|-----|
| 4.0 | Pengenalan | 192 |
| 4.1 | Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu | 193 |
| 4.2 | Puteh Mariah Sebagai Pejuang Politik Wanita | 195 |
| 4.2.1 | Pejuang Pendidikan Orang Melayu | 196 |
| 4.2.2 | Pemantau Dasar-dasar Kerajaan British | 225 |
| 4.2.3 | Pejuang Bahasa Melayu | 254 |
| 4.2.4 | Pejuang Ekonomi Orang Melayu | 257 |
| 4.2.5 | Pejuang Kebajikan Orang Melayu | 277 |
| 4.2.6 | Pejuang Kepentingan Politik Orang Melayu | 286 |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
X

| | | |
|-------|---|-----|
| 4.2.7 | Menegur Perbelanjaan Parti Agar Tidak Membazir | 292 |
| 4.2.8 | Pejuang Membasmi Kemiskinan Orang Melayu | 293 |
| 4.3 | Kesimpulan | 294 |

BAB 5 KESIMPULAN

| | | |
|-----|------------|-----|
| 5.0 | Kesimpulan | 295 |
|-----|------------|-----|

RUJUKAN

LAMPIRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xi

SENARAI JADUAL

| No. Jadual | Muka Surat |
|--------------------|------------|
| 3.1 Isu organisasi | 177 |
| 3.2 Isu Pelajaran | 177 |
| 3.3 Isu Sosial | 178 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xii

SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka surat

2.1 Salasilah keluarga Puteh Mariah

84



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

| | |
|---------|--|
| ADC | <i>Aide de Camp</i> |
| API | Angkatan Pemuda Insaf |
| AWAS | Angkatan Wanita Sedar |
| BMA | <i>British Military Administration</i> |
| DO | <i>District Officer</i> |
| DPM | Datin Puteh Mariah |
| D.Y.M.M | Duli Yang Maha Mulia |
| IMP | <i>Independence of Malaya Party/Parti Kemerdekaan Malaya</i> |
| ISIS | <i>Institute of Strategic and International Studies</i> |



| | |
|---------|---|
| KITA | Kiri Tanah Air |
| KRIS | Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung |
| M.A.S | <i>Malay Administrative Service</i> |
| MATA | Majlis Tertinggi Agama |
| MCA | <i>Malaysian Chinese Association</i> |
| M.C.S | <i>Malayan Civil Service</i> |
| MPAJA | <i>Malayan Peoples' Anti-Japanese Army</i> |
| MTER | <i>Trustee Malaysian Institute of Economic Research</i> |
| PAS | Parti Islam Se-Malaya |
| PERTIWI | Pertubuhan Tindakan Wanita Islam |
| PETA | Pembela Tanah Air |
| PKM | Parti Komunis Malaya |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiv

| | |
|----------|---|
| PKMM | Parti Kebangsaan Melayu Malaya |
| PMP | Perikatan Melayu Perak |
| PN | Party Negara |
| P.S.D | Pingat Setia Diraja |
| P.S.M | Pingat Setia Mahkota |
| RIDA | <i>Rural Industrial Development Authority</i> |
| S.P.M..P | Darjah Dato' Seri Paduka Mahkota Perak |
| UMNO | <i>United Malays National Organisation</i> |
| YDP | Yang Dipertua |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
XV

SENARAI LAMPIRAN

- A Gambar Puteh Mariah Dan Ahli Keluarganya
- B Tokoh-tokoh Yang Ditemubual
- C Fail Dan Minit Mesyuarat UMNO
- D Peristiwa-peristiwa Sejarah Yang Melibatkan Puteh Mariah
- E Dokumen Pencapaian Puteh Mariah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
XV



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Perbincangan dalam bab ini bermula dengan pengenalan kepada tokoh yang dikaji, diikuti dengan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif, skop kajian, kepentingan kajian, kajian-kajian lepas, metodologi kajian, definisi kajian, pembahagian bab dan kesimpulan.

Apabila mengupas persoalan kajian sejarah, salah satu aspek penting yang perlu diketengahkan ialah sejauh manakah peranan dan penglibatan individu dalam sesuatu peristiwa yang berlaku. Namun, perkara ini juga menjadi perdebatan para sarjana sejarah yang berlarutan hingga kini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Ada pihak menyatakan, individu memang mempunyai peranan penting dalam mencetuskan dan menjayakan sesuatu pergerakan. Maksudnya, tindak-tanduk seseorang individu itulah yang menyebabkan berlakunya sesuatu peristiwa tepat pada waktu itu dan menentukan kejayaan atau kegagalannya. Sejarah adalah sesuatu yang telah pun direncanakan terlebih dahulu maka individu itu tidak berperanan sama ada dalam mencetuskan ataupun menjayakan sesuatu pergerakan. Maksudnya, sesuatu peristiwa itu pasti akan berlaku sama ada individu-individu tertentu hadir ataupun tidak.¹

Kedua-dua pandangan ini boleh diperdebatkan. Ini terbukti apabila Ambalakan Kaisalam menyifatkan kedua-dua pandangan tersebut memperlihatkan kelemahan.

Pandangan yang pertama itu berpendirian bahawa seseorang individu itu boleh bertindak dalam kekosongan dan mencetuskan sesuatu peristiwa. Biasanya, para sarjana yang berpegang kepada teori ini tidak mahu mengakui bahawa keadaan yang sesuai merupakan satu syarat yang perlu untuk individu itu bertindak. Bagi mereka sejarah adalah hasil kemalangan, iaitu sesuatu peristiwa itu berlaku semata-mata kerana kehadiran seseorang individu tertentu. Maksudnya, sekiranya individu itu tidak berada di tempat yang sesuai pada waktu yang tepat maka peristiwa itu pasti tidak akan berlaku. Sementara itu, pandangan yang kedua itu menolak peranan individu secara mutlak. Golongan yang berpegang kepada teori ini dikenali sebagai *determinists*. Pada awalnya, teori ini didukung oleh ahli sejarah Kristian yang mendominasikan bidang sejarah sejak kurun ketiga sehingga kelima belas. Bagi mereka, peranan manusia adalah sekadar menjalankan

¹ Anbalakan Kaisalam, Individu Dalam Sejarah : Satu Analisis., dlm. Badriyah Haji Salleh dan Tan Liok Ee (eds). *Alam Pensejarahan: Dari Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hlm.32.





tugas melaksanakan sesuatu yang telah dirancangkan oleh Tuhan. Menjelang kurun ke-19, muncul pula golongan *determinists* yang baru. Mereka ini dirangsang oleh ajaran Karl Marx dan menganjurkan pandangan bahawa haluan sejarah ditentukan oleh struktur ekonomi dan faktor yang berkaitan dengan ekonomi. Bagi mereka, peranan individu adalah tidak penting dalam sejarah kerana pergerakan sejarah telah pun ditetapkan oleh kehendak dan perubahan struktur ekonomi dalam sesuatu masyarakat.²

Pandangan di atas berbeza dengan pandangan menurut Islam. Dalam konteks Islam, manusia atau individu adalah yang penting dalam pensejarahan. Menurut Mohamad Abu Bakar dalam tulisannya *Pandangan Dunia, Ideologi dan Kesarjanaan:*

Islam, Proses Sejarah dan Rekonstruksi Realiti Sosial berpendapat, konsep sejarah dalam Islam bersifat *theocentric*, dengan manusia masih memegang watak atau peranan utama dalam proses sejarah. Pandangan hidup yang berpusat pada kepercayaan Allah, dengan segala sifat-Nya atau pandangan dunia tauhid, beroperasi dengan pentaksiran dan penerangan sejarah sebagaimana ia berfungsi dalam kehidupan Islam yang lain. Manusia dianggap penting kerana manusia serentak adalah hamba dan Khalifah Allah di bumi, dan atas dasar inilah pelakuannya diberi penghakiman dan penghukuman dalam sejarah atau akhirat nanti. Manusia dalam Islam sebenarnya bukan sekadar menjadi ejen sejarah,

² *ibid.*, hlm. 32-33.





tetapi juga merupakan makhluk yang dituntut mempelajari dari sejarah dan menentukan perjalanan sejarah.³

Secara kritikal boleh dikatakan peranan individu dalam sesuatu peristiwa, kejadian atau pergerakan tidak boleh diketepikan begitu sahaja kerana tindakan yang diambil oleh individu tersebut mungkin tidak mampu dilakukan oleh individu yang lain. Kepentingan individu yang memainkan peranan penting dalam sejarah boleh diklasifikasikan kepada dua. Ini dijelaskan oleh Sidney Hook, pertama adalah *Eventful man*, individu yang hadir di tempat yang sesuai pada masa yang tepat dan kedudukannya sebagai pemimpin membuat keputusan yang penting dan dengan itu menentukan kejayaan sesuatu pergerakan. Secara mudah, *Eventful man* memahami kehendak suasana yang wujud dan bertindak untuk mencapai kehendak itu. Kedua, *Event-making man* iaitu individu yang menetapkan tujuannya dan kemudian menguasai keadaan demi untuk membawa masyarakat kepada haluan yang ditetapkannya. Dengan kata lain, *Event-making man* menetapkan tujuannya dahulu, dan berusaha untuk mencapainya.⁴

Kajian ini mengetengahkan seorang tokoh wanita yang berperanan besar dalam usaha memperjuangkan kesedaran terhadap kemerdekaan Tanah Melayu. Sebagai salah seorang tokoh yang berjuang ke arah kemerdekaan, beliau melalui liku-liku yang sukar.

³ Mohamad Abu Bakar, Pandangan Dunia, Ideologi dan Kesarjanaan: Islam, Proses Sejarah dan Rekonstruksi Realiti Sosial., dlm. Badriyah Haji Salleh dan Tan Liok Ee (eds.), *Alam Pensejarahan: Dari Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hlm. 11.

⁴ Sidney Hook, *The Hero In History: A Study in Limitation and Possibility*, Boston: (t.n.p), 1943, hlm. 154.





Terperangkap dalam persekitaran yang langsung tidak membantu, seperti fahaman wanita tidak layak bersuara yang masih menebal dalam masyarakat Melayu, beliau berusaha menembusi dinding fahaman tersebut.

Membicarakan perjuangan tokoh wanita Melayu dalam merealisasikan kemerdekaan Tanah Melayu memperkenalkan kita kepada tokoh seperti Tan Sri Hajah Zainon binti Munshi Sulaiman atau lebih dikenali dengan nama Ibu Zain, Khadijah Sidek, Fatimah Hashim, Aishah Ghani, dan Tun Hajah Rahah binti Tan Sri Haji Mohd Noah. Sejarah perjuangan dan sumbangan mereka seiring dengan peranan, perjuangan dan sumbangan tokoh lelaki antaranya Dato' Onn, Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun Dr. Ismail dalam usaha membebaskan Tanah Melayu daripada cengkaman penjajah. Sumbangan besar mereka diabadikan oleh ramai pengkaji dan penulis dalam bentuk buku dan kajian ilmiah. Di samping itu, pengiktirafan juga dibuat dengan mengabadikan nama mereka di institusi tertentu bagi mengenang dan memberi pengetahuan kepada generasi seterusnya akan ketokohan dan jasa mereka. Namun, ada seorang tokoh wanita yang hebat, berkarisme, memiliki semangat kental dan tokoh ini antara tokoh terawal yang berperanan menyedarkan orang Melayu khususnya kaum ibu terhadap kemerdekaan Tanah Melayu. Tokoh ini memperjuangkan hak dan kepentingan orang Melayu yang kurang ditonjolkan, beliau ini amat berjasa tetapi tidak menjadi pilihan pengkaji dan ahli sarjana untuk diketengahkan. Maklumat berkenaan tokoh ini sangat kurang berbanding sumbangan beliau terhadap bangsa Melayu sekitar 1946-1957. Sumbangan, pengorbanan dan jasa tokoh ini bukan sedikit terhadap bangsa Melayu





terutamanya dalam fasa-fasa awal menuju kemerdekaan Tanah Melayu terutama dari politik, ekonomi, perundangan dan kebajikan bangsa Melayu.

Puteh Mariah dilahirkan pada 20 Disember 1924 di Kuala Kurau, Perak. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu dan Inggeris. Ketika Perang Dunia Kedua meletus, beliau tidak dapat meneruskan pelajaran. Beliau mendirikan rumah tangga dengan seorang tokoh politik juga iaitu Zainal Abidin bin Abas ketika berusia 16 tahun. Puteh Mariah mula bergiat dalam politik dengan menjadi ahli dalam Perikatan Melayu Perak dan dilantik sebagai wakil pertubuhan tersebut ke Kongres Melayu Pertama yang membawa kepada penubuhan UMNO di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada tahun 1946. Apa yang lebih menarik, beliau dilantik sebagai Pengurus Pertama Kaum Ibu UMNO Malaya pada tahun 1948. Beliau juga amat aktif dalam bidang kebajikan dan menganggotai pelbagai pertubuhan dan persatuan sama ada sebagai ahli mahupun sebagai ketua dalam dan luar negara.

1.2 Permasalahan Kajian

Kajian berkaitan tokoh politik sering menonjolkan tokoh-tokoh lelaki sebagai pejuang kemerdekaan Tanah Melayu. Memang tidak dinafikan sumbangan tokoh-tokoh lelaki seperti Dato Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman, Dato' Abdul Razak dan ramai lagi dalam memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Kajian berkaitan tokoh politik





wanita pula menonjolkan Ibu Zain, Khadijah Sidek dan Aisyah Ghani. Namun begitu sebenarnya terdapat seorang lagi tokoh politik wanita yang namanya tidak berada sebaris dengan tokoh-tokoh politik yang dikenali generasi masa kini. Tokoh Politik yang berjasa namun tidak dikenali ini adalah Puteh Mariah.

Puteh Mariah merupakan tokoh politik wanita pertama yang dilantik sebagai Pengurus Pertama Kaum Ibu UMNO Malaya pada tahun 1948 yang kini dikenali sebagai Ketua Pergerakan Wanita UMNO. Pejuang wanita ini berperanan besar menyumbang jasanya memberi kesedaran dalam usaha mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. Puteh Mariah bertanggungjawab menjaga hal ehwal wanita atau lebih dikenali sebagai Kaum Ibu UMNO. Beliau berjaya memberi kesedaran dan membina semangat nasionalisme serta menggalakkan ribuan kaum ibu menjadi ahli UMNO. Beliau berjaya menjadikan gerakan Kaum ibu menjadi kuat dan suara wanita didengari hingga ke peringkat kebangsaan pada ketika itu. Puteh Mariah juga merupakan anggota Jawatankuasa Kerja Perlembagaan pada tahun 1947. Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam penyediaan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. Beliau dilantik sebagai Ahli Majlis Perundangan dan Jawatankuasa Tetap Persekutuan mengenai kewangan pada tahun 1948 hingga tahun 1955. Puteh Mariah menjadi ahli dalam Majlis Perundangan Negeri Perak dalam tahun 1948 hingga tahun 1949. Beliau dikurniakan “*Justice of Peace*” (J.P) Negeri Perak pada 15 Januari 1950 oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak, Sultan Yusuf Izzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Abdul Jalil sempena ulangtahun ke-60 keputeraan baginda.





Puteh Mariah adalah satu-satunya wanita yang menerima anugerah tersebut dan julung-julung kali diberikan kepada seorang wanita. Beliau meletak jawatan dalam UMNO beberapa hari sebelum pilihan raya 1955 berlangsung disebabkan rasa tidak puas hati pemberian kerusi kepada MCA melebihi kerusi yang diberi kepada UMNO bagi menghadapi pilihan raya 1955, iaitu 5 kerusi kaum Melayu, 6 kerusi bagi kaum Cina dan 1 kerusi untuk kaum India. Atas dasar prinsip perjuangan, beliau keluar daripada UMNO apabila turut sama menyertai Parti Negara yang ditubuhkan oleh Datuk Onn Jaafar pada tahun 1955.



Kajian ini mengetengahkan latar belakang tokoh, sejarah penglibatan politik, perjuangan dan sumbangan beliau terhadap kesedaran kemerdekaan Tanah Melayu terutama kepada kaum wanita. Kajian ini amat perlu dijalankan sebagai pengetahuan baru untuk memperkayakan lagi sejarah Malaysia terutama berkaitan perjuangan kesedaran kemerdekaan dalam kalangan kaum ibu sebelum merdeka 1946-1957. Jasa tokoh pejuang ini perlu dikenang bagi menghargai sumbangan beliau supaya tidak tenggelam dan dilupakan oleh generasi masa kini dan masa akan datang. Tidak ditemui penulisan akademik, khusus tentang beliau berbanding Pengerusi Kaum Ibu UMNO yang lain seperti Tan Sri Hajah Zainon binti Munshi Sulaiman (Ibu Zain), Khadijah Sidek, Fatimah Hashim dan Aisyah Ghani. Sebagai Pengerusi Pertama Kaum Ibu UMNO selayaknya Puteh Mariah dikenali dan diangkat sebaris dengan Kaum Ibu yang memegang jawatan yang sama yang lebih dikenali berbanding beliau.





1.3 Objektif Kajian

Tujuan kajian yang dijalankan adalah untuk mengkaji secara ilmiah ketokohan dan perjuangan Puteh Mariah dalam bidang politik yang membangkit kesedaran kemerdekaan Tanah Melayu. Tempoh kajian ini bermula dari tahun 1946 sehingga 1957 iaitu sepanjang penglibatan tokoh dalam bidang politik. Objektif kajian ini adalah;

1. Memperkenalkan latar belakang Puteh Mariah
2. Membincangkan penglibatan Puteh Mariah dalam bidang politik
3. Menganalisis perjuangan Puteh Mariah sebagai tokoh politik wanita.
4. Menilai perjuangan, peranan dan sumbangan Puteh Mariah sebagai ahli politik.



1.4 Batasan Kajian

Periodikal dan fokus kajian bagi penulisan berbentuk biografi tokoh tentunya bermula sejak tahun kelahiran sehingga tahun kajian dibuat sama ada masih hidup atau pun telah meninggal dunia. Batas kajian ini adalah dihadkan pada tahun 1946 hingga tahun 1957. Pada tahun 1946, Puteh Mariah secara rasmi melibatkan diri dalam perjuangan politik dengan menyertai Perikatan Melayu Perak dan perjuangan ini diteruskan sehingga pada tahun 1957.

1.5 Kajian Lepas





Dalam kajian-kajian lepas, tidak ditemui satu kajian ilmiah khusus yang memberi fokus kepada Puteh Mariah. Namun demikian, nama tokoh ini tercatat dalam satu kajian ilmiah yang dijalankan oleh Ramlah Adam. Terdapat juga beberapa buku, artikel dan jurnal yang mencatat nama tokoh ini, tetapi skop penulisan adalah ringkas dan hanya menyebut nama tokoh ini berkaitan peristiwa tertentu yang melibatkan beliau.

Terdapat sebuah buku yang menyentuh biografi Puteh Mariah yang disusun oleh PERTIWI berjudul Biografi Wanita Malaysia. Buku ini mencatatkan secara ringkas sejarah penglibatan Puteh Mariah dalam politik dan jawatan yang disandangnya. Sejarah penglibatan Puteh Mariah dalam politik adalah dengan menjadi ahli dalam Perikatan Melayu Perak dan mewakili pertubuhan tersebut ke Kongres Melayu Pertama di Sultan Sulaiman Club, Kuala Lumpur dalam tahun 1946. Sebagai wakil UMNO beliau dilantik menganggotai *Constitutional Working Committee* pada tahun 1947, dimana jawatankuasa ini terlibat dalam penyediaan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. Puteh Mariah menjadi ahli dalam Majlis Perundangan Persekutuan dan Jawatankuasa Tetap Persekutuan mengenai kewangan antara tahun 1948 hingga 1955. Beliau juga menjadi ahli dalam Majlis Perundangan Negeri Perak pada tahun 1948 hingga 1949. Puteh Mariah dilantik sebagai Pengurus pertama Kaum Ibu UMNO Malaya pada tahun 1948. Pada tahun 1955 hingga 1956 beliau turut dilantik sebagai Setiausaha Agung Parti Negara,





dan beliau menjadi Pengerusi Tetap dari tahun 1958 hingga 1960.⁵ Puteh Mariah juga direkodkan sebagai seorang yang banyak menyumbang dalam pelbagai pertubuhan, jawatankuasa dan persatuan.⁶

Secara keseluruhan, artikel pendek tentang Puteh Mariah yang disusun dalam PERTIWI ini hanya menyentuh sedikit sahaja berkaitan penglibatan politik dan jawatan-jawatan yang telah dipegang oleh Puteh Mariah dalam parti, sama ada dalam UMNO dan Parti Negara. Tidak ada penerangan lanjut berkaitan peristiwa-peristiwa yang beliau lalui sepanjang penglibatan beliau menjadi Ketua Kaum Ibu Pertama dalam UMNO. Tentu banyak liku-liku peristiwa yang dilalui oleh beliau dalam mencorakkan politik wanita sebelum merdeka di mana fahaman tradisional membenggu masyarakat Melayu ketika itu. Kajian ini akan membuat penelitian terhadap apa sahaja peristiwa yang berkaitan dengan perjuangan politik beliau sama ada dalam Parti Perikatan Melayu Perak, UMNO dan dalam Parti Negara. Penyelidikan ini mendalam sebanyak mungkin

⁵ _____, PERTIWI (penyt.), *Biografi Wanita Malaysia*, Kuala Lumpur: PERTIWI, 1983, hlm. 113.

⁶ Beliau juga amat aktif dalam bidang kebijakan dan menganggotai Jawatankuasa beberapa Pertubuhan dan Majlis seperti berikut: Citizen's Advisory Bureau di Ipoh, 1945-1947; Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Pasukan Polis Khas(special Constable) di Kuala Kubu Bahru, 1948-1949; majlis Kebajikan Pusat, 1948-1962; Jawatankuasa Kebajikan Negeri Selangor, 1950-1953 sebagai ahli dan menjadi Pengurusnya daripada tahun 1953 hingga 1956; Presiden Persatuan Pandu Puteri Malaya daripada tahun 1957 hingga 1963 iaitu anak negeri yang pertama memegang jawatan tersebut; Ahli Jawatankuasa Persatuan Pelajaran Dewasa Malaya (Adult Education Association Malaya) dalam tahun 1950 hingga 1973; Pengasas Ahli Majlis dan ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan Orang-orang Buta Malaya dari tahun 1952 hingga 1958; menjadi ahli Majlis dan Jawatankuasa Kerja Perkumpulan Malaya dalam tahun 1952; salah seorang Pengasas Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Persekutuan Tanah Melayu (LKPI) yang ditubuhkan pada tahun 1961 dan menjadi Naib Yang Di Pertuanya hingga sekarang; dan mewakili LKPI dalam Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID), 1976-1980. Kini beliau dilantik sebagai Naib Pengerusi NACIWID dan adalah ahli Jemaah Universiti Malaya semenjak tahun 1975 hingga sekarang. PERTIWI. *op.cit.*, hlm. 114.





sumbangan yang telah Puteh Mariah lakukan sepanjang penglibatnya dalam sesbuah parti, pertubuhan, badan atau majlis.

Buku Cenderamata Jubli Perak Wanita UMNO Malaysia Pada 25 HB Ogos 1974 mencatatkan secara ringkas sejarah awal penubuhan Pergerakan Kaum Ibu yang menyebut peranan Puteh Mariah. Beliau merupakan salah seorang yang melontarkan idea penubuhan pergerakan tersebut. Dalam Mesyuarat Agung UMNO pada tahun 1946, tiga orang tokoh wanita UMNO iaitu Puteh Mariah yang mewakili Persatuan Melayu Perak, Zainab bte. Abdul Rahman yang mewakili Persatuan Melayu Seberang Prai dan Saleha bte. Ali yang mewakili Persatuan Melayu Selangor telah bertemu dan melahirkan cita-cita untuk menubuhkan Pergerakan Kaum Ibu. Berikutan dengan perbincangan mereka sebuah Jabatan Kaum Ibu telah ditubuhkan di Ibu Pejabat UMNO. Persidangan parti pada awal tahun 1947 telah memilih Puteh Mariah sebagai ketua Jabatan Kaum Ibu, penubuhan jabatan ini secara langsung UMNO telah mengiktiraf peranan wanita dalam politik⁷. Seterusnya dalam buku ini diterangkan juga secara ringkas sejarah lima Ketua Wanita UMNO termasuklah Puteh Mariah. Disebut beliau berasal dari Kuala Kangsar merupakan Ketua Wanita UMNO yang pertama. Dicatatkan peristiwa bagaimana beliau ke Kuala Lumpur menaiki keretapi bersama seorang perempuan Mesir (isteri salah seorang dari ahli Perikatan Melayu Perak) untuk menghadiri perhimpunan yang dianjurkan oleh Onn Jaafar bertempat di Kelab Sultan Sulaiman. Beliau merakamkan satu peristiwa yang beliau tak dapat dilupakan, di mana cogan kata yang

⁷ _____, *Buku Cenderamata Jubli Perak Wanita UMNO Malaysia Pada 25 Ogos 1974*, (t.t.p): (t.n.p), 1974, hlm. 8.





dibawa oleh sekumpulan kanak-kanak sekolah benar-benar menyentuh hatinya, seperti yang dicatatkan;

“Pada hari perhimpunan tersebut, Datin Puteh Mariah tidak dapat melupakan peristiwa di mana kanak-kanak Sekolah Melayu di hadapan Kelab Sultan Sulaiman, membawa cogankata “PELIHARALAH HAK-HAK KAMI SEHINGGA KAMI BESAR.”⁸

Menurut buku ini lagi Puteh Mariah diangkat menjadi “Pegawai” bahagian perempuan pada tahun 1947. Dari sana beliau berusaha mendirikan bahagian-bahagian Perempuan UMNO seperti yang diakui oleh Puteh Mariah:



Cadangan Puteh Mariah tersebut mendapat sokongan yang padu daripada Onn Jaafar sendiri. Beliau mengakui;

“Yang memberikan sokongan kuat atas cadangan saya ialah Datuk Onn sendiri. Demikian juga dengan Datuk Panglima Bukit Gantang, Tuan Haji Abdul Wahab yang menjadi Setiausaha Partai UMNO, juga”- turut memberikan sokongan yang kuat juga.”¹⁰

Buku ini juga menyentuh secara ringkas bagaimana Puteh Mariah mengakhiri penglibatan beliau dalam UMNO apabila beliau tidak dibawa berbincang langkah-

⁸ *ibid.*

⁹ *ibid.*, hlm. 15

¹⁰ *ibid.*





langkah dalam menghadapi pilihanraya Majlis Bandaran Kuala Lumpur. Beliau ketika itu adalah Pengerusi Bahagian Kuala Lumpur.¹¹ Di akhir tulisan ini ada dinyatakan tiga buah badan kebajikan yang dianggotai oleh beliau seperti menjadi Naib Yang Dipertua Lembaga Kebajikan Perempuan Islam PTM, Naib Yang Dipertua Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia dan Naib Yang Dipertua Majlis Kebajikan Kebangsaan Malaya.¹²

Didapati perkara yang difokuskan tentang Puteh Mariah hanyalah berkisar penglibatan awal beliau dalam penubuhan Jabatan Kaum Ibu dalam UMNO sehinggalah beliau mengambil keputusan untuk meletak jawatan sebagai Pengerusi UMNO Bahagian Kuala Lumpur dan keluar daripada UMNO. Catatan sepintas lalu ini tentunya tidak menggambarkan keseluruhan usaha perjuangan beliau dalam politik sebelum merdeka. Banyak lagi usaha-usaha beliau yang boleh diketengahkan berkaitan penglibatan beliau dalam politik. Seterusnya dipaparkan hanya tiga buah pertubuhan amal sahaja yang dikaitkan dengan beliau dalam artikel ini. Dalam bacaan yang dibuat, didapati tidak kurang daripada dua puluh lima pertubuhan yang dianggotai oleh beliau.

Ramlah Adam dalam bukunya *UMNO: Organisasi dan Kegiatan 1945-1951* merakamkan temubual dengan Puteh Mariah pada 12.1.1974, menceritakan bagaimana beliau terlibat dalam gerakan menentang Malayan Union yang secara terang-terangan

¹¹ *ibid*, hlm. 16.

¹² *ibid*.





menidakkan hak bangsa Melayu. Ini berikutnya apabila meneliti isi-isi rancangan Malayan Union nyatakan British telah membentuk satu pentadbiran yang telah berpusing langsung dari dasar asasnya di Tanah Melayu iaitu dari sikap menaungi kepada menjajah, bukan secara penaklukan tetapi melalui Perjanjian 1946 itu. Hak kedaulatan Raja-raja Melayu sebagai ketua Negeri-Negeri Melayu telah dipindahkan ke tangan Raja England. Hak Rakyat Melayu sebagai anak jati Tanah Melayu cuba dibahagikan sama rata kepada orang asing. Atas alasan-alasan inilah orang Melayu telah bersatu membantah dengan sekeras-kerasnya akan Malayan Union. Seruan-seruan telah dibuat terutamanya melalui akhbar *Utusan Melayu*, *Majlis* dan *Malay Mail* supaya orang Melayu menentang Malayan Union. Menurut Puteh Mariah ;

“.....jika dibiarkan Malayan Union terus hidup, bererti anak cucu Melayu di hari kemudian akan mengutuk mereka semua”¹³



Dalam buku ini juga disebut kehadiran Puteh Mariah dalam Kongres Melayu Pertama¹⁴ yang khusus membincangkan penentangan terhadap Malayan Union. Kongres ini yang diadakan di Kuala Lumpur disertai oleh persatuan-persatuan Melayu di seluruh Tanah Melayu, seperti yang dicatatkan;

¹³ Serentak dengan ini juga tiap-tiap negeri telah menubuhkan persatuan-persatuan gunanya membahaskan soal tersebut. Hal ini dengan mudah dapat difahami oleh orang Melayu kerana adanya pengalaman di zaman Jepun, ditambah lagi dengan pengalaman pahit pergaduhan Melayu-China selama 3 bulan berturut-turut di beberapa buah negeri di Tanah Melayu. Pergaduhan ini berlaku akibat perasaan membalas dendam kerana perbuatan Jepun yang melakukan orang Melayu dengan Cina, di masa pemerintahannya. Peristiwa pemerintahan 13 hari oleh Bintang Tiga dan tekanannya kepada orang Melayu telah menjadi latarbelakang yang baik bagi orang Melayu menentang Malayan Union yang dalam semua hal merugikan kaum Melayu. Ramlah Adam, *UMNO: Organisasi dan Kegiatan 1945-1951*, Kelantan: Terbitan Mohd Nawi Book Stor., 1978, hlm. 4.

¹⁴ Jika dikira jumlah perjumpaan Kongres Melayu termasuk Kongres ini adalah kali ke-3. Tetapi Kongres Melayu ini secara khusus diadakan kerana membantah Malayan Union dikira yang Pertama. Seperti yang dicatatkan; Kongres Kebangsaan Melayu yang pertama diadakan pada 1938 di Singapura. Kongres Kedua diadakan di Kuala Lumpur, 1939. Kongres Ketiga dirancang di Ipoh 1940, tetapi gagal kerana perang. Ramlah Adam. *op.cit.*, hlm. 29.





“Persatuan Melayu Selangor telah mengadakan persiapan di Kelab Sulaiman, Kuala Lumpur. Sebanyak 37 buah persatuan telah mengambil bahagian. Seramai 107 wakil dan 56 orang pemerhati telah menghadiri rapat raksasa kaum Melayu itu. Persatuan-persatuan ini boleh dikatakan mewakili tiap-tiap buah negeri di Tanah Melayu ini hingga ke Singapura”¹⁵

Nama Puteh Mariah tersenarai sebagai tokoh penting dalam kehadiran persatuan yang ke-17 dalam buku ini di bawah Persatuan Perikatan Melayu Perak seperti berikut;

“17. Perikatan Melayu Perak: Persatuan yang terpenting di Perak, dan kemudian di dalam UMNO juga. Ditubuhkan pada 1938. Alamatnya pada 1947 ialah 3rd Floor, Hong Kong and Shanghai Bank Chambers, Belfield Street, Ipoh. Kemudian bertukar kepada 21, Hale Street, Ipoh. Ahlinya pada 1947 berjumlah seramai 20,385 orang. Antara tokoh-tokoh yang penting ialah Haji Abdul Wahab bin Tok Muda (bergelar Dato Panglima Bukit Gantang, Setiausaha Agung UMNO 1946), Zainal Abidin Abbas (Setiausaha Agung UMNO 1947), Datin Puteh Mariah (Ketua Jabatan Kaum Ibu 1947), Megat Yunus bin Megat Abdullah dan Raja Kamaruzzaman,¹⁶



Perisitwa Puteh Mariah menyaksikan kekejaman orang Cina ke atas orang Melayu pada zaman darurat iaitu sebaik sahaja Jepun menyerah kalah serta penguasaan ‘Bintang Tiga’ selama 13 hari juga dipaparkan dalam buku ini. Beliau juga terlibat secara langsung menyelamatkan mangsa serangan orang Cina di Sungai Manik dan Bekor. Beliau bertugas dengan Badan Sukarela British ketika itu. Dalam temubual bertarikh 12.1.1974 tersebut, Puteh Mariah menyatakan :

¹⁵ *ibid.*, hlm. 5.

¹⁶ *ibid.*, hlm. 8.





“Di Sungai Manik dan Bekor, Perak juga keadaan yang sama berlaku. Bekor telah menjadi padang jarak padang terkukur kerana dibakar oleh orang China di pagi hari, dan banyak orang Melayu telah terkorban kerana tidak dapat mengelakkan serangan tiba-tiba itu. Di Sungai Manik pula kedua-dua pihak bertempur secara terbuka. Orang-orang Melayu telah bersedia kerana kejadian di Bekor itu. Datin Puteh Mariah bersama beberapa ibu-ibu lain telah bertugas dangan Badan Sukarela British untuk menolong mangsa-mangsa itu; kejadian ngeri ini telah memberi ilham kepada beliau bahawa orang Melayu mesti bangun untuk menuntut haknya. Derma telah diadakan dan telah dapat dikumpulkan sebanyak \$ 9,253.97 menjelang 24hb. Julai 1946.”¹⁷

Seterusnya disentuh bagaimana penglibatan Puteh Mariah pada awal penubuhan

Jabatan Kaum Ibu. Pergerakan kaum Ibu UMNO mula ditubuhkan pada awal 1947 dengan nama Jabatan Kaum Ibu, kemudian ditukarkan kepada Pergerakan Kaum Ibu

pada 25 Ogos 1949. Sebenarnya idea untuk menubuhkan sebuah pergerakan bagi ahli wanita UMNO telah disuarakan oleh 3 orang wakil wanita yang turut hadir di dalam persidangan UMNO di Kuala Lumpur 1946. Mereka terdiri dari Puteh Mariah, wakil

Perikatan Melayu Perak, Zainab Abdul Rahman, wakil Persatuan Melayu Seberang Perai, dan Saleha Ali yang mewakili Persatuan Melayu Selangor. Mereka berpendapat adalah

perlu sekali menyatukan kaum wanita di dalam UMNO supaya UMNO juga dapat

sokongan yang penuh dari semua anggota masyarakat Melayu. Maka apabila Jabatan in

ditubuhkan pada awal 1947, Puteh Mariah telah dijadikan Ketuanya. Dalam buku ini

juga dinyatakan bagaimana Puteh Mariah memainkan peranannya mengemaskini

¹⁷

ibid., hlm. 28





persatuan-persatuan Kaum Ibu Negeri-negeri yang mempunyai bahagian-bahagian wanita.¹⁸

Pada bab 5 buku ini di bawah tajuk Pemimpin-pemimpin UMNO, disentuh secara ringkas latar belakang Puteh Mariah. Diterangkan beliau lahir pada tahun 1920an, mendapat pendidikan setakat Darjah Dua sekolah Inggeris, berkahwin dengan Zainal Abidin bin Abbas pada usia belasan tahun dan mempunyai minat yang mendalam dalam politik. Disebut sebagai tokoh terawal wanita UMNO yang kanan sekali. Disentuh juga jawatan-jawatan yang disandang dalam UMNO seperti Ketua Pergerakan Kaum Ibu, salah seorang anggota perwakilan UMNO di dalam menandatangani Perjanjian Persekutuan 1948 dan Ahli *Federal Council*, wanita pertama dan tunggal di dalam Majlis itu.¹⁹

Buku ini menarik disebabkan penulisnya telah berpeluang menemubual Puteh Mariah secara bersemuka. Peristiwa yang disentuh mencakupi pengalaman beliau dalam penentangan Malayan Union serta pada zaman darurat. Oleh kerana buku ini memfokuskan kepada organisasi dalam UMNO, sejarah penubuhan Kaum Ibu dan penglibatan Puteh Mariah ada disentuh di dalamnya. Tidak ketinggalan jawatan yang disandangnya serta peranan yang dimainkan semasa dalam UMNO juga dicatatkan. Didapati penulisan ini juga tidak menyentuh secara mendalam berkaitan peribadi Puteh

¹⁸ *ibid.*, hlm. 56-57.

¹⁹ *ibid.*, hlm.107-108.





Mariah. Kenyataan yang direkodkan secara langsung dari temuramah tersebut belum menyeluruh. Masih terdapat banyak lagi kenyataan yang pernah disebut oleh beliau boleh diketengahkan bagi melengkapkan lagi kajian ke atas tokoh ini. Selain dari itu, percakapan-percakapan beliau dikaji bagi melihat dan mengetengahkan perjuangan beliau.

A.J Stockwell melalui bukunya, *British Policy And Malay Politics During The Malayan Union Experiment 1942-1948*, ada menyentuh tiga kali nama Puteh Mariah pada halaman yang berbeza. Pertamanya apabila menyatakan Ipoh merupakan pusat kedua terpenting selepas Johor Bahru dalam perkembangan pergerakan UMNO. Ini disebabkan di Perak, UMNO didukung oleh beberapa pemimpin utama dari Perikatan Melayu Perak (*Perak Malay League*), selain menjadi pejabat pentadbiran kepada Jabatan Politik dan Kaum Ibu, seperti yang dicatatkan :

"Ipoh was the second major focus of UMNO activity. The Secretariat was at first housed in the office of the Dato Panglima Bukit Gantang at 21 Hale Street. Here the clerical work of the Secretariat, of the Department of Politics and of the Kaum Ibu was carried out by a group of Perak Malays who were already friends, relatives or colleagues and who were, in the main, leading figures in the Perikatan Melayu Perak (Perak Malay League), such as Zainal Abidin b Hj Abas, Che Puteh Mariah bte Ibrahim Rashid, Megat Yunus b Megat Mohd Isa and C.M. Yusof"²⁰

²⁰

A.J Stockwell, *British Policy And Malay Politics During The Malayan Union Experiment 1942-1948*. Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society (MBRAS), Monograph No.8. Kuala Lumpur: Council of the MBRAS, 1979.





Pada halaman lain dinyatakan kemampuan Puteh Mariah membawa perubahan yang begitu cepat kepada organisasi Kaum Ibu sebaik sahaja menerajuinya pada bulan Januari 1947. Beliau meletakkan hala tuju dan polisi yang jelas untuk dicapai oleh Kaum Ibu. Usaha gigih beliau menyatukan pelbagai pertubuhan wanita di bawah Kaum Ibu agar suara wanita tidak ketinggalan, membawa kejayaan apabila dalam Mesyuarat Agung UMNO pada awal bulan September 1947, Kaum Ibu dapat mengadakan Kongres Pertama mereka secara sendiri dan secara rasmi diiktiraf sebaris dengan organisasi lelaki dalam UMNO. Malah penghujung tahun 1947 Kaum Ibu mempunyai dua puluh ribu ahli daripada lebih empat belas buah pelbagai pertubuhan.²¹



Pada bahagian lampiran buku ini diterangkan sedikit latar belakang Puteh Mariah. Dinyatakan beliau isteri kepada Zainal Abidin bin Haji Abas, seorang ahli Perikatan Melayu Perak yang terkenal. Beliau mengetuaui dan akhirnya menjadi Presiden Kaum Ibu. Beliau kekal dalam UMNO ketika suaminya, Zainal Abidin bin Haji Abas dan Onn Jaafar keluar daripada UMNO. Namun beliau juga meninggalkan UMNO apabila UMNO membentuk Perikatan dan menyertai suaminya dalam *Independence Malaya Party* (IMP). Beliau adalah ahli Majlis Perundangan Persekutuan yang sangat efektif.²²

Karya A.J Stockwell ini membincangkan keseluruhan penentangan dan politik orang Melayu terhadap Malayan Union. Justeru, beliau tidak memfokuskan kepada

²¹ *ibid.*, hlm. 126.

²² *ibid.*, hlm. 177





individu-individu tertentu termasuklah Puteh Mariah. Nama Puteh Mariah hanya disentuh apabila penulis ini menerangkan Ipoh merupakan antara nadi pergerakan Kaum Ibu dan UMNO selain Negeri Johor kerana didukung oleh orang kuat Perikatan Melayu Perak termasuklah Puteh Mariah. Kemudian Puteh Mariah disebut sebagai seorang yang dinamik membawa perubahan yang begitu cepat kepada Kaum Ibu. Sekali lagi nama Puteh Mariah dicatatkan pada halaman lampiran bagi menerangkan siapakah beliau. Di sini keterangan tentang beliau hanya disebut sebagai isteri kepada Zainal Abidin bin Haji Abas seorang tokoh Perikatan Melayu Perak yang terkenal, Presiden kaum Ibu dan tidak meninggalkan UMNO walaupun suaminya mengikut Onn Jaafar berbuat demikian. Beliau dikatakan meninggalkan UMNO apabila UMNO membentuk Perikatan. A.J Stockwell juga menyatakan Puteh Mariah adalah ahli Majlis Perundangan



Lenore Manderson dalam bukunya *Wanita, Politik dan Perubahan Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia 1945-1972*, menulis bagaimana bermulanya penubuhan persatuan wanita Melayu tunggal dan usaha tersebut melibatkan Puteh Mariah. Dikatakan cadangan tersebut telah dikemukakan bersama oleh Puteh Mariah binti Ibrahim Rashid dari Perikatan Melayu Perak, Zainab binti Abdul Rahman dari Persatuan Melayu Seberang Perai dan Saleha binti Mohamed Ali dari Persatuan Kaum Ibu Selangor.²³ Disentuh juga bagaimana dalam satu mesyuarat yang diadakan pada hujung

²³ Konsep mengenai penubuhan sebuah persatuan wanita Melayu yang tunggal untuk menyatukan semua kumpulan kaum ibu yang awal itu dengan tujuan-tujuan dan matlamat umum UMNO telah dibincangkan buat pertama kalinya di peringkat nasional dalam Kongres Kedua dan di dalam Perhimpunan UMNO yang pertama yang berlangsung dalam bulan Mei 1946. Lenore Manderson, *Wanita, Politik dan*





tahun 1946 keputusan dibuat untuk melantik Puteh Mariah sebagai Pegawai Pengawas Jabatan Wanita.²⁴ Puteh Mariah memulakan tugas barunya itu pada 4 Januari 1947 dan kemudian mula menghubungi kumpulan wanita yang ada dan cawangan UMNO yang seksi wanitanya belum ditubuhkan lagi.²⁵ Dalam halaman lain ada di sentuh peranan yang dimainkan oleh Puteh Mariah melibatkan pentadbiran parti UMNO. Beliau berusaha bersungguh-sungguh menyatukan seberapa banyak persatuan-persatuan wanita kecil yang bebas di setiap negeri dalam UMNO dan menubuhkan bahagian wanita yang dipanggil seksi wanita bagi cawangan UMNO yang belum ada bahagian tersebut. Ini bertujuan membolehkan suara wanita diangkat ke peringkat yang lebih tinggi.²⁶ Beberapa catatan dalam buku ini juga menunjukkan betapa tingginya komitmen Puteh Mariah terhadap usaha membela nasib kaum wanita dan bangsa Melayu, sama ada



dalam bentuk ucapan ataupun tindakan beliau. Dengan menekankan betapa perlunya

Perubahan Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia 1945-1972. Samsudin Jaapar (Terj.). Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1981. hlm. 87.

²⁴ Dalam Perhimpunan UMNO yang berikutnya, iaitu pada 29 dan 30 Jun 1946, pegawai UMNO di peringkat kebangsaan telah diberi tanggungjawab untuk mengendalikan jabatan masing-masing dalam UMNO dan Jabatan Wanita diletakkan di bawah pentadbiran pemimpim kebangsaannya, iaitu Datuk Onn. Dalam satu mesyuarat parti yang diadakan di penghujung tahun itu, keputusan telah dibuat untuk melantik seorang Pegawai Pengawas Jabatan Wanita iaitu Puteh Mariah, yang ketika itu menjadi Presiden seksi wanita cawangan Perikatan Melayu Perak dan isteri kepada pengurus dan pegawai pengawas bahagian Politik, Zainal Abidin bin Haji Abas. *ibid.*

²⁵ *ibid.*, hlm. 88.

²⁶ Persidangan wanita secara berasingan yang pertama diadakan pada 1 September 1947 di Johor Bahru, sebagai sebahagian daripada Perhimpunan Agung UMNO. Persidangan ini telah dihadiri oleh 17 perwakilan yang mewakili 12 buah seksi wanita dan persatuan yang bergabung dengan UMNO dan keanggotaannya dikatakan mencapai jumlah 20,000 orang. Tujuan utama mengadakan persidangan itu ialah untuk membincangkan organisasi yang paling berkesan di peringkat negeri dan kebangsaan untuk persatuan-persatuan ini, yang umumnya dikenali dengan nama Kaum Ibu. Sewaktu persidangan itu, tiap-tiap negeri telahpun mempunyai beberapa buah persatuan wanita kecil yang bebas. Keadaan ini menghalang Kaum Ibu untuk membolehkannya bersuara di Perhimpunan UMNO, iaitu suatu persidangan kebangsaan di mana pertubuhan politik negeri yang bergabung dengan UMNO menghantar perwakilannya masing-masing. Maka keputusan telah dibuat supaya pertubuhan-pertubuhan Kaum Ibu seharusnya bersatu menjadi sebuah pertubuhan politik negeri yang tunggal yang bergabung dengan parti itu. Pertubuhan ini mengekalkan kuasa otonominya di peringkat tempatan di samping membolehkan perwakilan Kaum Ibu dan kaum lelakinya dihantar sebagai wakil ke perhimpunan agung. Wakil itu kemudian diarahkan oleh Puteh Mariah supaya pertubuhan mereka menjadi sebahagian daripada UMNO. *ibid.*, hlm. 88.





bagi wanita mencari jalan bekerjasama untuk membaiki lagi taraf wanita (berhubung dengan status wanita dan bangsa Melayu) dan untuk meningkatkan peranan-peranan pertubuhan-pertubuhan wanita, Puteh Mariah dipetik berkata;

“Kita mesti bersatu padu jika kita tidak mahu dikalahkan dalam perjuangan untuk kewujudan kita di peringkat kebangsaan. Zaman untuk berpandangan sempit sudah berlalu.”²⁷

Ke arah pembaikan seperti itu, beliau melantik pegawai perhubungan atau penerangan dalam tiap-tiap negeri untuk membantunya menjalankan tugasnya.²⁸ Dalam bab 7 buku ini ada menyentuh secara sepintas lalu latar belakang Puteh Mariah terutama penglibatan beliau dalam politik khususnya UMNO. Tulisan ini menyebut Puteh Mariah dilahirkan dalam tahun 1924 dan baru berusia dua puluhan ketika menjadi pemimpin.²⁹ Dikatakan penglibatan beliau dalam politik banyak didorong oleh suaminya, Zainal Abidin bin Haji Abas. Dicatatkan juga dengan kecekapan Puteh Mariah menerajui Kaum Ibu, beliau telah dilantik menganggotai Majlis Negeri Perak dan Majlis Perundangan Persekutuan (dalam bulan Januari 1948).³⁰ Dinyatakan juga sebab Puteh Mariah meletak jawatan sebagai pemimpin adalah disebabkan tidak dapat memberi tumpuan penuh kepada kebajikan seksi wanita kerana keanggotaannya dalam Majlis Negeri Perak dan Majlis Perundangan Persekutuan. Sebab

²⁷ *ibid.*, hlm., 88-89.

²⁸ *ibid.*, hlm 89.

²⁹ *ibid.*, hlm. 164.

³⁰ *ibid.*, hlm. 165-166.





lain yang diberikan adalah kerana suaminya akan dihantar ke Oxford menyambung pelajaran.³¹

Dicatatkan juga berkaitan bagaimana sejarah penubuhan Kaum Ibu dan Puteh Mariah telah menjadi Presidennya. Sebelum itu beliau dilantik sebagai Pegawai Pengawas Jabatan Wanita. Buku ini juga menyentuh bagaimana kesungguhan Puteh Mariah dalam membela nasib golongan wanita. Penulis ini menggunakan istilah seksi yang merujuk kepada bahagian atau jabatan wanita yang belum ditubuhkan lagi dalam cawangan UMNO. Istilah tersebut tidak digunakan oleh penulis-penulis lain dalam catatan mereka. Ini boleh mengelirukan pembaca jika merujuk kepada hasil penulis yang berbeza. Perbezaan istilah ini akan lebih jelas sekiranya disertakan dengan tahun atau tarikh kepada peristiwa yang menggunakan istilah tersebut. Kajian ini mengaitkan peristiwa yang merujuk kepada istilah seksi itu bermaksud sama dengan jabatan atau cawangan seperti yang dimaksudkan oleh penulis-penulis yang lain. Jadi tidak akan timbul lagi kekeliruan dalam perkara tersebut. Lenore Manderson juga menyatakan sebab Puteh Mariah meletakkan jawatannya sebagai pemimpin Kaum Ibu kerana tidak dapat memberi sepenuh perhatian kepada kebijakan seksi wanita kerana menjadi Ahli Majlis Negeri Perak dan Majlis Perundungan Persekutuan. Alasan kedua yang diberikan adalah kerana suaminya akan melanjutkan pelajaran ke Oxford. Sejauh mana alasan ini

³¹ Dalam bulan Ogos 1950, Puteh Mariah meletakkan jawatannya sebagai pemimpin kerana penglibatannya dalam keua-dua Majlis itu tidak memberikannya masa yang banyak untuk menumpukan perhatiannya kepada kebijakan seksi dan kerana suaminya akan dihantar ke Oxford untuk menyediakan dirinya bagi memasuki bahagian dua pentadbiran kerajaan, iaitu Perkhidmatan Awam Malaya. Penggantinya yang tidak pernah dicabar sebagai pemimpin Kaum Ibu ialah Hajah Zainon binti Suleiman. *ibid.*, hlm. 166.





menjadi perkara pokok dalam perletakan jawatannya perlu dikaji. Ini kerana pendapat penulis lain seperti Ramlah Adam tidak menimbulkan soal ini sebaliknya memberi alasan yang berbeza.

Ibrahim Mahmood menulis dalam bukunya *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu:*

Suatu penyingkapan kembali Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu Menuju Kemerdekaan menyatakan, Puteh Mariah hadir sebagai pemerhati pada satu Kongres yang diadakan pada 1,2,3, dan 4 hari bulan Mac 1946 di bangunan Sultan Sulaiman Club, Kampung Baharu, Kuala Lumpur. Disenaraikan semua peserta yang hadir mengikut negeri-negeri dan di bawah kehadiran Negeri Perak iaitu Perikatan Melayu Perak, nama Puteh Mariah didaftarkan nombor ke - 15 dengan nama Cik Puteh Mariah binti Ibrahim Rashid (Pemerhati).³² Pada halaman lain, dikemukakan bagaimana Puteh Mariah dilantik menjadi Pegawai Perkara-perkara Kaum Ibu pada Persidangan Majlis Agung UMNO yang keempat yang diadakan di Balai Besar, Alor Star, Kedah.³³ Buku ini juga menyentuh Puteh Mariah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Kerja Agung yang dipilih oleh Yang DiPertua iaitu Onn bin Jaafar pada Persidangan Tahun Yang Ke-lima Majlis Mesyuarat Agung UMNO, telah diadakan di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak pada 27, 28 dan 29 Ogos 1950. Ketika ini Hajjah Zain binti Sulaiman menggantikan Puteh Mariah sebagai Ketua Kaum Ibu merangkap Naib Yang DiPertua (Perempuan).³⁴

³² Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu: Suatu Penyingkapan Kembali Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu Menuju Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1981, hlm. 71-75.

³³ *ibid.*, hlm. 154.

³⁴ *ibid.*, hlm. 282-284.





Dalam penulisan Ibrahim Mahmood ini, nama Puteh Mariah sekadar disebut bagi menyatakan beliau adalah wakil Perikatan Melayu Perak sebagai pemerhati pada Kongres Melayu Pertama yang diadakan di Sultan Sulaiman Club, Kampung Baru, Kuala Lumpur. Dicatatkan juga Puteh Mariah dilantik sebagai Pegawai Perkara-perkara Kaum Ibu pada Persidangan Majlis Agung UMNO yang keempat yang diadakan di Balai Besar Alor Star, Kedah. Pada keterangan ini terdapat perbezaan penggunaan istilah iaitu Pegawai Perkara-perkara Kaum Ibu. Dalam tulisan Lenore Manderson (1981), digunakan istilah Pegawai Pengawas Jabatan Wanita. Ramlah Adam (1978) pula menggunakan Jabatan Kaum Wanita.



Alina Ranee, menemubual Puteh Mariah dan artikelnya tersiar dalam akhbar *New Straits Time* bertajuk, “*Lasting impressions of a political activist*” menggunakan perkataan “*first*” (pertama) dan ‘*only*’ (satu-satunya) merujuk kepada beliau atas pencapaianya yang menjadi orang pertama dan perintis dalam kebanyakan pertubuhan yang disertainya. Antara pencapaian Puteh Mariah yang dicatatkan oleh Alina ialah beliau merupakan wanita pertama dianugerahkan Jaksa Pendamai Persekutuan (*Federal Justice of the Peace*), dalam tahun 1950-an, satu-satunya wanita dalam Majlis Negeri Perak, wanita tempatan pertama yang mengetuai Persatuan Pandu Puteri Negara selepas Merdeka (mengambil alih daripada Lady Mac Gillivray), salah seorang pengasas Majlis Kebajikan Wanita Muslim dan seterusnya menjadi Naib Presiden Majlis Kebajikan tersebut. Beliau juga diisyihar secara rasmi mengetuai Pergerakan Kaum Ibu





Peringkat Kebangsaan pada mesyuarat wakil-wakil wanita UMNO di Johor.³⁵ Dalam artikel ini juga disentuh sedikit latar belakang peribadi Puteh Mariah. Beliau dilahirkan di Kuala Kurau dalam Daerah Krian, Perak. Mendirikan rumah tangga dengan Zainal Abidin Abas yang pernah memegang jawatan Setiausaha Agung UMNO. Beliau juga melahirkan rasa beruntung kerana ibunya walaupun seorang suri rumah tangga sepenuh masa tetapi bersikap terbuka dan berpandangan jauh. Ibunya percaya kepada kepentingan pendidikan kepada wanita, lalu beliau dihantar ke sekolah Inggeris iaitu Sekolah Anglo-Chinese di Ipoh dan St Agnes di Teluk Intan. Pada masa itu kebanyakan orang Melayu berfikiran konservatif di mana mereka tidak akan menghantar anak-anak mereka ke sekolah mubaligh atau aliran Inggeris kerana bimbang tidak boleh ‘mengucap’ ketika hendak mati. Bagaimanapun ibunya memastikan beliau mengikuti pengajian Al Quran di rumah.³⁶ Bapanya juga sentiasa menggalakkan beliau supaya banyak membaca.³⁷ Mengikut jejak langkah ibunya, beliau juga memberi galakkan anak-anaknya menceburi bidang perniagaan dan profesional. Seorang daripada dua orang anak lelakinya iaitu Tan Sri Zain Azraai adalah Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, dan Zain Azahari adalah peguam terkenal. Sementara dua orang anak perempuannya adalah ahli perniagaan yang berjaya. Tetapi beliau tidak memaksa anak-anaknya menyertai politik.³⁷ Dalam artikel ini juga diceritakan pengalaman beliau semasa pemerintahan Bintang Tiga dan ketika menentang *Malayan Union*. Beliau mengakui menceburi politik secara serius kerana menyaksikan penderitaan pada tahun

³⁵ “Lasting Impressions Of A Political Activist.” *New Straits Time*, 3 August 1987, hlm. 4

³⁶ *ibid.*

³⁷ *ibid.*





selepas perperangan.³⁸ Pengalaman awal ini telah mengubah pandangan Puteh Mariah. Beliau berpendapat tidak mampu lagi hanya melihat apa yang berlaku sebagai ‘orang luar’ sebaliknya bergiat secara langsung dari dalam sebagai seorang aktivis politik, lalu menyertai Perikatan Melayu Perak (PMP) dalam tahun 1945. Setahun kemudian beliau mewakili PMP ke Kongres Melayu Pertama di Kuala Lumpur. Dikongsikan juga peristiwa bagaimana wakil pertubuhan Melayu yang datang dari jauh seperti Kedah dan Perlis termasuk beliau menaiki kereta api³⁹ ke Kuala Lumpur untuk menghadiri Kongres Melayu Pertama sebagai tindak balas penubuhan Malayan Union.⁴⁰ Dirangsang oleh sentimen inilah menyebabkan Puteh Mariah berusaha gigih melalui platform politik untuk mengubah nasib orang Melayu. Beliau telah berkhidmat dalam Jawatankuasa Kerja Perlembagaan pada tahun 1947 dan Jawatankuasa Majlis Perundangan Persekutuan mengenai Kewangan pada tahun 1948 hingga 1955. Dalam tulisan ini juga dinyatakan pandangan Puteh Mariah terhadap kedudukan ekonomi orang Melayu, bahasa Melayu dan pemimpin Melayu yang menunjukkan beliau sangat mengambil

³⁸ Puteh Mariah menceritakan bagaimana selepas perang, Pentadbiran Tentera British mengambil alih kawalan di bandar, tetapi di kawasan luar bandar masih berlaku kekacauan dan penguatkuasaan undang-undang yang lemah. Beliau menyaksikan sendiri bagaimana kekejaman yang dilakukan oleh Bintang Tiga (sayap tentera Parti Komunis Malaya). Beliau telah melawat Manong dan Parit di mana askar Bintang Tiga telah membakar kesemua rumah orang kampung ketika mereka bersiap untuk menuaikan solat Subuh. Mereka juga memenggal kepala wanita dan kanak-kanak. Ketika beliau berada di Kuala Kangsar, beliau menyaksikan seorang remaja perempuan ditusuk sebilah leming menembusi badannya tetapi dengan kuasa Allah dia masih hidup. Ketika bertugas di Biro Nasihat Rakyat Ipoh pada tahun 1945 to 1947 beliau dan beberapa orang wanita secara sukarela membantu membaki kerosakan akibat perperangan dan menyatukan keluarga yang terlibat. “Kami pergi dengan menaiki trak tentera untuk mengagih-agihkan makanan, ubat-ubatan dan selimut kepada orang-orang kampung. Orang ramai menunjukkan semangat gotong-royong yang tinggi. Kami tinggal di rumah-rumah orang kampung yang kami tidak kenali” kata Puteh Mariah. Alina Ranee, *op.cit.*

³⁹ Kereta api ke Kuala Lumpur yang dinaiki mereka tidak mempunyai lampu. Mereka membawa lilin untuk dinyalakan. Seingat beliau orang-orang yang berada dalam perjalanan tersebut begitu akrab seolah-olah sebuah keluarga yang berjumpa setelah lama terpisah sedangkan mereka saling tidak mengenali antara satu sama lain sebelum itu. Di Kuala Lumpur kaum wanita berkumpul di Bengali Hotel yang terletak berhadapan Emporium China di Batu Road. Alina Ranee, *op.cit.*

⁴⁰ Ada sebuah kain rentang yang slogannya begitu menyentuh hati dan kekal terpahat dalam ingatan Puan Sri Puteh Mariah yang menggambarkan perasaan orang Melayu dalam tahun 1946 itu yang dilihatnya di Kelab Sultan Sulaiman iaitu “Peliharalah hak-hak kami sementara kami besar.” Alina Ranee, *op.cit.*





berat terhadap nasib bangsa Melayu. Dalam temubual ini, Puteh Mariah keberatan membicarakan sumbangan beliau terhadap Kaum Ibu dan UMNO, mungkin sifat beliau yang merendah diri, sebaliknya lebih berminat berkongsi perihal Onn Jaafar yang dianggapnya sebagai mentor dalam politiknya.

Dalam catatan ini menyerlahkan pendirian Puteh Mariah sebagai antara individu yang menyokong kuat Onn Jaafar. Beliau secara jelas menolak pandangan yang menyatakan bahawa ahli-ahli UMNO yang mengikut Onn Jaafar keluar daripada parti tersebut disebabkan terlalu memuja personaliti Onn Jaafar. Sebaliknya mereka berbuat demikian kerana menyokong dan menghormati prinsip yang dipegang oleh Onn Jaafar.

Beliau juga berpendapat pemikiran Onn Jaafar begitu jauh dan melangkaui zamannya menyebabkan berlakunya salah faham terhadapnya. Puteh Mariah juga melahirkan rasa dukacitanya apabila masyarakat melupakan jasa dan pengorbanan Onn Jaafar dan ada di antara ahli UMNO menganggap Onn Jaafar pengkhianat. Sokongan kuat Puteh Mariah dibuktikan apabila beliau melepaskan kepimpinannya dalam Kaum Ibu untuk menyertai Onn Jaafar dalam Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) seterusnya membantu Onn Jaafar dalam Parti Negara di mana beliau muncul sebagai Setiausaha Agung parti ini dalam tahun 1955.

Penulis artikel ini, Alina Ranee bolehlah dianggap bertuah apabila berpeluang menemubual tokoh ini secara bersemuka seperti Ramlah Adam. Temubual ini ditulis selepas tokoh ini menerima anugerah Ijazah Doktor Kehormat daripada Universiti Sains





Malaysia, Pulau Pinang pada tahun 1987, atas sumbangan beliau terhadap negara. Tulisan ini merakamkan sedikit latar belakang, kerjaya politik beliau, pengalaman beliau semasa zaman darurat, jawatan-jawatan yang pernah disandang oleh beliau, serta pandangan beliau terhadap Onn Jaafar. Artikel ini boleh dianggap antara beberapa tulisan yang menonjolkan tokoh ini sebagai penyokong kuat Onn Jaafar. Kekecewaan beliau terhadap pandangan negatif ke atas Onn Jaafar serta sikap sesetengah masyarakat yang tidak menghargai jasa dan sumbangan Onn Jaafar, dilahirkan secara lisan kepada penulis artikel ini. Terdapat perbezaan berkaitan tempat asal atau tempat lahir tokoh ini. Menurut artikel ini, penulisnya menyatakan tempat lahir tokoh ini ialah di Kuala Kurau, dalam Daerah Krian, Perak. Sementara itu menurut catatan dalam Buku *Cenderamata Jubli Perak Wanita UMNO Malaysia: Pada 25 Ogos 1974* dan Ramlah Adam dalam artikelnya *Datin Puteh Mariah Ibrahim Rashad: Isu-isu yang Dibangkitkan dalam Majlis Perundangan Persekutuan*, beliau berasal dari Kuala Kangsar, Perak.

Artikel tulisan Abdullah Zakaria Ghazali bertajuk *Perak, 1651-1955: Satu Tinjauan Mengenai Perjuangan Orang Melayu*, menggarap penglibatan tokoh ini dalam beberapa peristiwa penting. Dinyatakan bahawa pada tahun 1938, Perikatan Melayu Perak ditubuhkan. Di antara tokoh penting ialah Dato' Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz (Dato' Panglima Bukit Gantang), Zainal Abidin Abbas (kemudiannya Dato' dan Tan Sri), Puteh Mariah binti Ibrahim Rashid, Megat Yunus bin Megat Abdullah dan





Raja Kamaruzzaman⁴¹. Penulisan artikel ini jelas membuktikan Puteh Mariah adalah wanita pertama yang terlibat dalam penubuhan Perikatan Melayu Perak. Banyak perkara yang menarik dilakarkan dalam tulisan ini berkenaan perjuangan kemerdekaan, yang melibatkan tokoh yang berasal daripada negeri Perak dalam pelbagai pertubuhan sama ada radikal atau sederhana termasuklah Puteh Mariah. Tokoh tersebut terlibat dalam Kesatuan Melayu Muda, seterusnya Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Sedar (AWAS), Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS), Kiri Tanah Air (KITA), Pembela Tanah Air (PETA), *United Malays National Organisation* (UMNO), Majlis Tertinggi Agama (MATA), Parti Islam Se-Malaya (PAS), Parti Kemerdekaan Malaya (IMP-*Independence Malayan Party*), Parti Rakyat dan Parti Komunis Malaya (PKM). Dalam pertubuhan ini muncul tokoh seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy, Abu Bakar al-Bakir, Ahmad Boestamam (Abdullah Thani bin Raja Kechil), Dato' Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz, Zainal Abidin bin Abas, Puteh Mariah, Megat Yunus, Raja Kamaruzzaman, Dahari Ali, Abdul Majid bin Abdul Hamid, Salleh Daud, Ibrahim bin Karim, Muhammad Yusof Lubis, Abdullah Ayub, Khadijah Ali, Sawiyah Ali, Mat Judin, Sakinah Junid, Harun Yahya, Zulkifli Muhammad dan Abdul Rashid Maidin.⁴² Dalam halaman lain, buku ini juga memaparkan Puteh Mariah dilantik sebagai Presiden Kaum Ibu UMNO pada tahun 1947. Dikatakan sekali lagi Perak menjadi tempat penting dalam perjuangan kemerdekaan. Pada 29 hingga 30 Jun 1946, UMNO mengadakan persidangan pertama di Dewan Bandaran Ipoh. Dalam persidangan ini Parti Kebangsaan Melayu Malaya telah menarik diri dari UMNO dengan

⁴¹ Abdullah Zakaria Ghazali, "Perak, 1651-1955: Satu Tinjauan Mengenai Perjuangan Orang Melayu", dlm. Adnan Haji Nawang, (penyt.), *Perak Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1988, hlm. 169.

⁴² *ibid.*, hlm. 170.





alasan mereka gagal dalam usul bendera UMNO. Kemudiannya beberapa orang tokoh Perak dilantik menjadi jawatankuasa tertinggi UMNO; di antaranya, Dato' Haji Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz sebagai Setiausaha Agung UMNO (1946-1947) dan merangkap Setiausaha Hal-ehwal Undang-undang UMNO (1946-1947); kemudiannya jawatan Setiausaha Agung UMNO diganti pula oleh Zainal Abidin bin Haji Abas (1946) dan Puteh Mariah menjadi Presiden Kaum Ibu UMNO (1947).⁴³ Seterusnya dalam buku ini turut menyentuh bagaimana pada tahun 1950-an Puteh Mariah mengambil keputusan keluar dari UMNO bersama-sama Dato' Haji Abdul Wahab dan Zainal Abidin kerana mengikut Dato' Onn yang sebelum itu keluar daripada UMNO dan menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya.



Tulisan artikel ini ada menyentuh perkara berkaitan dengan Puteh Mariah namun lebih berkisar kepada jawatan yang disandangnya. Disebabkan artikel ini membincangkan perjuangan orang Melayu, tentunya tidak difokuskan kepada individu-individu tertentu termasuklah Puteh Mariah. Tulisan ini telah menyatakan sekitar tahun 1950-an Puteh Mariah telah keluar dari UMNO mengikuti jejak Dato Haji Abdul Wahab dan suaminya Zainal Abidin Abas untuk bersama-sama Dato Onn yang sebelum itu menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya. Pernyataan ini boleh dibincangkan dengan lebih lanjut melalui dokumen-dokumen seperti minit mesyuarat parti UMNO dan Parti Kemerdekaan Malaya. Ini adalah kerana dalam tulisan lain, dinyatakan Puteh Mariah tidak terus keluar mengikut Dato Haji Abdul Wahab dan suaminya yang meninggalkan

⁴³*ibid.*, hlm. 174.



UMNO sebaliknya terus berada dalam UMNO sehingga pada tahun 1952. Penulis artikel ini juga meletakkan tahun 1950-an sebagai tahun tokoh ini meninggalkan UMNO.

Buku Cenderamata Pergerakan Wanita UMNO Ulang Tahun 40 di bawah tajuk

“Lahirnya Wanita Di Bumi Butterworth” menerangkan secara ringkas sejarah Pergerakan Wanita UMNO bermula dari Puan Sri Puteh Mariah sebagai Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaya yang pertama sehingga kepada Dato Seri Rafidah Aziz. Puteh Mariah dikatakan begitu cergas membela nasib rakyat. Pada tahun 1945-1947 beliau menyertai Biro Penasihat Rakyat di Ipoh yang bertujuan menolong mereka yang ditimpa kesusahan akibat perang dunia kedua dan penjajahan Jepun. Seterusnya dinyatakan pada tahun 1947 Puteh Mariah dipilih menganggotai Jawatankuasa Kerja Perlembagaan yang bertanggungjawab menyediakan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.⁴⁴

Rencana ini hanya memberi penerangan ringkas berkaitan Puteh Mariah sebagai Ketua Kaum Ibu UMNO yang pertama. Disebut juga dua jawatan lain yang pernah disandang oleh beliau iaitu Biro Nasihat Rakyat (1945-1947) di Ipoh dan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan. Perkara ini belum mencukupi kerana didapati tokoh ini berada dalam banyak lagi majlis atau pertubuhan dalam memainkan peranan besar beliau membina negara bangsa.

⁴⁴ _____, *Buku Cenderamata Pergerakan Wanita UMNO Ulang Tahun 40*, Kuala Lumpur: Salmah Mohsin, 1989.





Tulisan Aishah Ghani dalam memoirnya *Aishah Ghani: Memoir Seorang Pejuang*, mencatat sejarah perjuangan Puteh Mariah secara ringkas sahaja. Aishah Ghani menyatakan sewaktu beliau mula menjadi ahli UMNO Cawangan Kampung Baru, Puteh Mariah sudah tidak lagi menjadi ketua bagi Kaum Ibu kerana keluar meninggalkan UMNO bersama Onn Jaafar yang telah menubuhkan parti lain.⁴⁵ Terdapat fakta yang menyatakan mengapa Onn Jaafar bertindak meninggalkan UMNO yang juga menjadi antara sebab Puteh Mariah juga berbuat demikian. Dalam buku ini Aishah Ghani ada menerangkan berkaitan pergeseran yang berlaku dalam Mesyuarat Agung UMNO di Seberang Perai pada 27 dan 28 Ogos 1949, disebabkan Onn Jaafar mahu membuka pintu UMNO kepada bangsa lain.⁴⁶ Seterusnya sekali lagi Aishah Ghani menyentuh tentang tindakan Puteh Mariah keluar daripada UMNO tetapi kali ini dari sudut kesan kepada



“Di peringkat awal lagi UMNO telah mengamalkan tradisi yang menguntungkan parti. Tradisi yang saya maksudkan ialah perjuangan dan taat setia ahli-ahlinya hanya kepada parti bukan kepada pemimpin tertentu atau orang perseorangan. Ini terbukti dengan jelas apabila Dato’ Onn bertindak keluar daripada UMNO dan diikuti oleh beberapa orang penyokong kuatnya, termasuk Puteh Mariah. Tindakan ini tidak memberi kesan yang besar kepada UMNO, walaupun Dato’ Onn telah menubuhkan sebuah parti politik yang lain.”⁴⁷

Peristiwa ini mengaitkan nama Puteh Mariah sebagai penyokong kuat kepada Onn Jaafar. Penyelidik mendapati, Aishah Ghani hanya membuat kenyataan tentang Puteh Mariah untuk menyatakan tindakan Puteh Mariah meninggalkan UMNO di

⁴⁵ Aishah Ghani, *Aishah Ghani: Memoir Seorang Pejuang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 38.

⁴⁶ *ibid.*

⁴⁷ *ibid.*, hlm. 39





samping beberapa orang tokoh yang mula-mula terlibat dalam penubuhan UMNO sejak tahun 1946 tidak menjaskan langsung Parti UMNO ketika itu. Aishah Ghani turut menyatakan Puteh Mariah adalah penyokong kuat Onn Jaafar.

Kesetiaan Puteh Mariah kepada perjuangan Onn Jaafar juga disentuh oleh Ramlah Adam dalam bukunya *Dato' Onn Jaafar Pengasas Kemerdekaan*. Kesetiaan ini timbul disebabkan cara kepimpinan Onn Jaafar yang mengekalkan nilai kepimpinan konservatif dan tradisional.⁴⁸ Menurut Ramlah Adam, Onn Jaafar membentuk satu 'core group' yang sangat rapat jalinannya. Oleh kerana keakraban itu, didapati kesetiaan mereka kepada beliau begitu tinggi. Ini dapat dilihat dengan sokongan yang diberikan oleh Nik Ahmad Kamil, Hamzah Abdullah, Syed Abd. Kadir Yusof, Zainal Abidin Abas dan Puteh Mariah. Mereka antara yang sangat rapat dengan Onn Jaafar.⁴⁹ Dalam buku ini juga Ramlah Adam menyentuh perihal Puteh Mariah yang keluar meninggalkan UMNO. Apa yang menarik, sebab yang dikemukakan adalah lebih jelas berbanding tulisan lain yang menyatakan beliau keluar daripada UMNO disebabkan kesetiaan kepada Onn Jaafar. Diterangkan bagaimana kerjasama antara UMNO dan MCA pada tanggal 8 Januari 1952 tidak mengikut Perlembagaan UMNO. Razak Yahya, Ketua Jawatankuasa pilihanraya UMNO Kuala Lumpur yang bertanggungjawab dalam hal itu, tidak berunding dengan Puteh Mariah selaku Ketua Bahagian UMNO Kuala Lumpur atau ahli jawatankuasa yang lain. Malah beliau secara peribadi mengurangkan kerusi UMNO daripada 6 kerusi

⁴⁸ Ramlah Adam, *Dato' Onn Jaafar Pengasas Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 164.

⁴⁹ Ramlah Adam, *Dato' Onn Jaafar Pengasas Kemerdekaan*, op.cit., hlm. 165-166.





kepada 5 kerusi. Tambahan pula kelebihan kerusi diberikan kepada MCA iaitu MCA 6 kerusi dan UMNO 5 kerusi. Tindakan itu menyebabkan Puteh Mariah meletak jawatan.⁵⁰

Satu isu yang hampir sama dalam tulisan Aishah Ghani, buku hasil tulisan Ramlah Adam ini menyatakan Puteh Mariah adalah penyokong kuat Onn Jaafar. Begitu juga diterangkan mengapa tokoh ini bertindak keluar daripada UMNO adalah lebih mendalam berbanding tulisan lain.



Dalam buku cenderamata bertajuk *Pergerakan Wanita UMNO: Sepanjang Lima Dekad*, menyiaran artikel pendek tentang lima Ketua Pergerakan Wanita UMNO dan Puteh Mariah antara yang disenaraikan dengan catatan tentang diri beliau. Putih [sic] Mariah Ibrahim Rashid merupakan Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO yang pertama (1946-1950). Beliau adalah ahli biasa dalam Perikatan Melayu Perak dan mewakili pertubuhan tersebut ke Kongres Melayu pertama yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman pada 1946 yang membawa kepada penubuhan UMNO. Sebagai wakil UMNO, pada tahun 1947 beliau telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Kerja Perlembagaan. Jawatankuasa ini terlibat di dalam Penyediaan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. Selepas itu beliau dilantik menjadi ahli dalam Majlis Perundangan Persekutuan dan Jawatankuasa Tetap Persekutuan mengenai Kewangan dari tahun 1948 hingga 1955. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu dan Inggeris pernah juga menjadi ahli dalam Majlis Perundangan Negeri Perak pada tahun 1948 hingga 1949. Beliau juga

⁵⁰ Ramlah Adam, *Dato' Onn, op.cit.*, hlm. 276-277.





pernah dipilih menjadi Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO Bahagian Kuala Lumpur selama beberapa tahun. Walau bagaimanapun beliau tidak kekal lama dalam UMNO. Sebaik sahaja Onn Jaafar keluar dari UMNO dan menubuhkan Parti Negara, Putih [sic] Mariah turut menyertai parti itu. Pada 1955, beliau dilantik menjadi Setiausaha Parti Negara sehingga 1956, dan dari 1958 hingga 1960 sebagai Pengurus Tetap parti tersebut.⁵¹ Dalam artikel ini juga disenaraikan jawatankuasa dan majlis yang dianggotai oleh beliau. Antaranya *Citizen's Advisory Bureau* di Ipoh (1945-1947), Pengurus Jawatankuasa Kebajikan Pasukan Polis Khas (*Special Constable*) di Kula Kubu Bahru (1948-1949), Majlis Kebajikan Pusat (1948-1962), Ahli Jawatankuasa Kebajikan Negeri Selangor (1950-1953), Pengurus Ahli Jawatankuasa Kebajikan Negeri Selangor (1953-1956), Presiden Persatuan Pandu Puteri Malaya (1957-1963) dan Ahli Jawatankuasa



Dalam rencana ini dinyatakan sedikit latar belakang Puteh Mariah sebagai Ketua Kaum Ibu Pertama daripada lima Ketua Pergerakan Kaum Wanita UMNO. Banyak disenaraikan adalah jawatan yang disandang oleh Puteh Mariah. Diterangkan juga tindakan beliau meninggalkan UMNO tetapi tidak diterangkan sebab beliau berbuat demikian. Didapati tulisan ini ditulis tanpa penyelidikan yang lengkap dan mendalam. Ada fakta yang salah dikemukakan dalam tulisan ini. Kenyataan yang menyebut sebaik sahaja Onn Jaafar keluar dari UMNO dan menubuhkan Parti Negara, Putih [sic] Mariah turut menyertai parti itu, adalah tidak tepat. Onn Jaafar menubuhkan Parti Kemerdekaan

⁵¹ _____, Rusiah R. Abdullah dan Nor Anida Umam (penyt.), *Pergerakan Wanita UMNO: Sepanjang Lima Dekad*, Kuala Lumpur: Kembangan Kristal (m) Sdn. Bhd., 1993, hlm. 17.

⁵² *ibid.*





Malaya sebaik sahaja keluar daripada UMNO dan pada masa yang sama Puteh Mariah tidak berbuat demikian dan terus berada dalam UMNO.

Ramlah Adam dalam artikelnya bertajuk *Dato' Onn Jaafar, 1895-1962*, menyentuh sedikit berkaitan Puteh Mariah. Perkara yang disentuh berkisar kepada perletakan jawatan Puteh Mariah dalam UMNO. Perbuatan Razak Yahya berunding dengan pemimpin Cina tanpa pengetahuan Puteh Mariah sebagai Ketua UMNO Kuala Lumpur tidak disenangi oleh beliau. Apa yang tersirat ialah ahli-ahli UMNO kurang senang dengan Puteh Mariah kerana beliau adalah penyokong kuat Onn Jaafar. Puteh Mariah telah dicurigai oleh pucuk pimpinan UMNO. Mereka beranggapan selagi Puteh

Mariah berada dalam UMNO selagi itulah ‘pengaruh’ Onn Jaafar berada dalam UMNO.

Ini disebabkan ketika Onn Jaafar dan suaminya Zainal Abidin bin Haji Abas keluar daripada UMNO dan menubuhkan IMP, Puteh Mariah tidak berbuat demikian malah terus mendapat kepercayaan sebagai Ketua UMNO Kuala Lumpur, seperti yang dicatatkan;

“IMP menyertai pilihan raya bandaran Kuala Lumpur pada bulan Februari 1952. Namun, ia hanya memenangi 2 kerusi sahaja kerana kekurangan sokongan daripada orang Melayu dan orang Cina. Pemimpin-pemimpin Cina seperti H.S. Lee dan Tan Cheng Lock, telah bekerjasama dengan UMNO. Kerjasama itu juga bertujuan untuk membuang pengaruh Dato' Onn di dalam UMNO. Walaupun Dato' Onn telah keluar tetapi kawan-kawan rapatnya seperti Datin Puteh Mariah, adalah Ketua UMNO Kuala Lumpur. Dato' Razak dengan sengaja telah berunding dan membuat keputusan dengan H.S. Lee tanpa pengetahuan Datin





Puteh Mariah. Beliau meletakkan jawatan kerana diketepikan di dalam soal yang besar itu”⁵³

Oleh kerana artikel ini ditulis oleh Ramlah Adam, fakta yang hampir sama dicatatkan dalam bukunya bertajuk *Dato’ Onn Jaafar Pengasas Kemerdekaan*. Namun tulisan ini berkisar kepada tindakan Puteh Mariah keluar daripada UMNO. Penerangan kepada sebab-sebab tindakan beliau itu diterangkan dari sudut yang sedikit berbeza. Walaupun sebab Puteh Mariah keluar daripada UMNO dinyatakan hampir sama iaitu tindakan Razak Yahya yang tidak berunding dengan beliau selaku Ketua UMNO bahagian Kuala Lumpur, di sini fakta yang ditambah ialah tindakan tersebut secara tersiratnya bertujuan menghapuskan pengaruh Onn Jaafar di dalam UMNO. Nama-nama pemimpin Cina yang terlibat dalam perundingan kerjasama dengan UMNO juga disebut seperti H.S Lee dan Tan Cheng Lock. Penerangan dan penambahan fakta dalam menyatakan sebab tokoh ini meninggalkan UMNO adalah menarik untuk diselidiki.

Ramlah Adam, dalam artikelnya bertajuk *Datin Puteh Mariah Ibrahim Rashad: Isu-Isu yang dibangkitkan dalam Majlis Perundangan Persekutuan*, membincangkan dengan agak mendalam tentang Puteh Mariah khususnya penglibatan dalam politik tanah air dan peranan beliau sebagai anggota pembuat dasar negara menerusi Majlis Perundangan Persekutuan sebelum negara mencapai kemerdekaan. Dalam artikel ini disentuh sedikit sahaja berkenaan latar belakang Putih Mariah yang dikatakan berasal

⁵³ Ramlah Adam, “Dato’ Onn Jaafar, 1895-1962”, dlm. Abdullah Zakaria Ghazali dan Adnan Haji Nawang (eds.), *Biografi Tokoh Pilihan Malaysia*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997, hlm., 136.





dari Kuala Kangsar, Bandar Diraja Perak dan dilahirkan pada tahun 1924.⁵⁴ Ayahnya seorang pegawai kerajaan dan mempunyai pandangan bahawa pendidikan aliran Inggeris adalah penting berbeza daripada pandangan orang Melayu ketika itu.⁵⁵ Berkahwin dengan Zainal Abidin Abbas yang juga berasal dari Perak.⁵⁶ Dari sudut politik, tulisan ini memaparkan Puteh Mariah sebagai individu yang menggerakkan politik wanita pada zamannya. Dikatogerikan dalam kelompok golongan elit Melayu kerana suaminya pegawai kerajaan Perak, beliau terdedah dengan mereka yang berkhidmat dengan kerajaan British tetapi mempunyai kesedaran kebangsaan Melayu yang amat tinggi, contohnya Raja Chulan.⁵⁷ Sebagai pegawai kerajaan yang tertakluk kepada *General Order*, mereka hanya membincang dan mendesak dengan cara yang sederhana.⁵⁸ Sebagai seorang isteri pegawai kerajaan Perak, kedudukan Puteh Mariah adalah tinggi dalam masyarakat, namun kedudukan ini menjadikan beliau lebih prihatin terhadap

⁵⁴ Ramlah Adam, “Datin Putih Mariah Ibrahim Rashad: Isu-Isu yang dibangkitkan dalam Majlis Perundungan Persekutuan”, *SARI (Jurnal Alam dan Tamadun Melayu)*, Jilid Volume 15 & 16, Julai 1998 hlm. 54.

⁵⁵ Ayahnya seorang pegawai tadbir kerajaan yang sentiasa terdedah kepada kemajuan pendidikan Inggeris. Oleh itu, walaupun bukan kebiasaan anak perempuan Melayu belajar di sekolah Inggeris, Ibrahim Rashid telah memberi pendidikan itu kepada anak perempuannya. Namun kematian ibu Datin Puteh Mariah telah membantutkan persekolahannya ketika mencecah Darjah Dua. *ibid.*

⁵⁶ Ayahnya terpaksa memberhentikannya dan tiga tahun kemudian mengahwinkan Datin Puteh Mariah dengan seorang pegawai pelatih muda dalam *Malay Administrative Service* (MAS). Mereka hidup bahagia dan dikurniakan beberapa orang cahaya mata. Perkahwinan itu kekal sehingga kematian menjemput suaminya pada tahun 1980-an. *ibid.*, hlm 54.

⁵⁷ Peranan Raja Chulan sebagai anggota Majlis Perundungan Persekutuan pada dekad 1930-an menjadi contoh terbaik golongan ini. Mereka yang menjadi ahli Kelab Pegawai Kerajaan Perak di Kuala Kangsar selalu bertemu untuk berbincang hal kebangsaan Melayu. Bagaimanapun, mereka tidaklah begitu melampau sehingga ingin menuntut kemerdekaan dari British, *ibid.*, hlm. 55.

⁵⁸ Mereka dengan itu menuntut satu perlindungan ke atas nasib politik orang Melayu di samping mencadangkan reformasi ekonomi dan sosial yang boleh meningkatkan taraf hidup orang Melayu. Peranan kumpulan ini berbeza dengan ahli politik/naisonalis yang melahirkan pendapat mereka melalui tulisan-tulisan di akhbar ataupun menubuhkan persatuan politik. Tindakan mereka dilakukan dengan senyap melalui saluran undang-undang. Mereka berupaya mendesak British supaya membuat dasar-dasar pentadbiran kolonial bagi melindungi kepentingan orang Melayu. Misalnya, Raja Chulan telah berjaya mendapatkan peruntukan Tanah Simpanan Melayu; pendidikan Inggeris, latihan perkhidmatan dan skim perkhidmatan Melayu (MAS) dan *Malayan Civil Service* (MCS) pada tahun 1920-an; pengembalian kuasa kepada Negeri-negeri Melayu dan Raja-raja Melayu dalam Desentralisasi; penubuhan Askar Melayu dan beberapa hal lagi. Ramlah Adam, *Puteh Mariah*, *op.cit.* hlm.55.





orang Melayu. Pengalaman dan penderitaan yang dialami dan disaksikan sendiri oleh beliau pada tahun selepas pendudukan Jepun disebabkan kekejaman Parti Komunis Malaya (PKM), MPAJA dan Bintang Tiga memberi impak yang besar kepada Puteh Mariah dalam kesedaran politiknya. Tambahan pula dengan kemunculan Malayan Union,⁵⁹ terus membakar semangat kebangsaan yang sedia membara. ‘*Bagai pucuk dicita ulam mendatang*’ kemunculan semula Perikatan Melayu Perak⁶⁰ (PMP) diterajui oleh Dato’ Panglima Bukit Gantang⁶¹ mendapat sokongan padu daripada Puteh Mariah. Puteh Mariah menjadi anggota PMP merangkap setiausaha bahagian wanitanya. Puteh Mariah cemerlang dalam politik dengan dilantik sebagai ketua bahagian wanita UMNO pada Jun 1946. Seterusnya beliau dilantik sebagai Setiausaha yang pertama untuk Jabatan Kaum Ibu UMNO. Pada tahun 1947 beliau dilantik pula sebagai Pegawai



Wanita UMNO. Pada bulan September 1947 beliau dilantik sebagai Ketua Pergerakan Kaum Ibu.⁶² Fokus kedua tulisan ini tentang penglibatan Puteh Mariah dalam Majlis Perundangan Persekutuan. Beliau merupakan wanita Melayu tunggal dalam Majlis tersebut.⁶³ Menurut Ramlah Adam, Puteh Mariah manjadi anggota Majlis Perundangan Persekutuan dalam satu tempoh yang panjang. Oleh itu beliau boleh dikatakan

⁵⁹ Kemunculan Malayan Union dan tindakannya mengambil tandatangan Sultan Perak secara paksa juga sampai ke telinganya. Cerita suaminya, yang juga sangat peka akan nasib bangsanya, didengar dan dihayati. Terasa tekanan politik yang bukan sedikit kepada orang Melayu. Kuasa raja dan kerakyatan yang begitu terbuka kepada orang dagang, yang ditolak oleh Sultan Abdul Aziz, diakui kebenarannya. Datin Putih Mariah sedar kedatangan MacMichael pada 20 November 1945 pada pukul 3.30 petang di istana Sultan, adalah satu malapetaka bagi orang Melayu. Ramlah Adam, *op.cit.*, hlm. 55.

⁶⁰ Perikatan Melayu Perak ditubuhkan pada 27.1.1946 , hasil dari suasana pergolakan politik yang menentang secara habis-habisan penubuhan *Malayan Union*. Lihat Arkib Negara Malaysia, *Hari Ini Dalam Sejarah Jilid V*, 1987, hlm. 79-80,

⁶¹ Perikatan Melayu Perak (PMP) dihidupkan semula oleh golongan elit Melayu pimpinan Dato’ Panglima Bukit Gantang iaitu Dato’ Haji Abdul Wahab bin Dato’ Abdul Aziz, seorang peguam dan ahli Majlis Mesyuarat Negeri yang terkenal. *Ibid.*, hlm. 56.

⁶² *ibid.*, hlm 57-58.

⁶³ Keanggotaannya adalah penting sebagai wakil wanita dalam badan pembuat dasar negara sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan., *ibid.*, hlm. 59.





mempunyai peluang yang banyak untuk membincangkan beratus-ratus rang undang-undang yang dibentangkan.⁶⁴ Pada tahun 1949 Puteh Mariah telah menggesa British supaya mengambil langkah segera bagi memperbaiki latihan guru sekolah Melayu, yang dianggapnya “boleh menyebabkan mandiri atau bangsa akan musnah di tanah air sendiri”.⁶⁵ Bagi Puteh Mariah, tanggungjawab ini tidak mungkin dapat dijalankan jika hanya terdapat dua maktab sahaja untuk melatih guru-guru sekolah Melayu, iaitu Maktab Perguruan Sultan Idris dan Maktab Perempuan Melayu Melaka. Isu lain yang dibangkitkan oleh Puteh Mariah antaranya berkaitan gaji guru agama yang rendah, kepentingan anak-anak Melayu diberikan bantuan kewangan Universiti Malaya, pendidikan orang Melayu yang tidak mempunyai nilai ekonomi, Bahasa Melayu sebagai alat perpaduan, pendidikan sama rata kepada anak-anak lelaki dan perempuan serta



Setelah diteliti, didapati selain daripada rencana temubual Alina Ranee, tulisan Ramlah Adam inilah merupakan yang benar-benar memfokuskan tentang diri Puteh Mariah. Tulisan ini mencakupi tiga aspek iaitu latar belakang, penglibatan politik dan peranan yang dimainkan oleh Puteh Mariah dalam Majlis Perundungan Persekutuan. Banyak perkara yang diketengahkan oleh Ramlah Adam berkaitan politik dan

⁶⁴ *ibid.*

⁶⁵ Tanggungjawab untuk memberi pendidikan kepada orang Melayu memang telah dipersetujui sejak tahun 1948 lagi di antara British dan Raja-raja Melayu. Dalam perjanjian Negeri Melayu 1948, Bahagian 13, dikatakan bahawa member pendidikan secular kepada anak-anak Melayu adalah tanggungjawab kerajaan kolonial bagi membolehkan orang Melayu bergerak”...bagi membolehkan mereka berkongsi sepenuhnya ke atas kemajuan ekonomi, kebajikan social dan kerajaan negeri dan persekutuan., *ibid.*, hlm. 60.

⁶⁶ *ibid.*, *op.cit.* hlm. 63.





peranannya dalam majlis Perundangan Persekutuan. Bagi pengkaji aspek latar belakang tokoh ini tidak disentuh secara menyeluruh dan mendalam.

T.N Harper melalui bukunya *The End Of Empire And The Making Of Malaya*, mengaitkan nama Puteh Mariah sebanyak tiga kali dalam tulisannya. Dua daripadanya menzahirkan beliau sebagai antara individu penyokong kuat Onn Jaafar. Pada awal tulisannya, Harper menyatakan selain mendapat galakan yang kuat daripada Onn Jaafar serta isterinya agar kaum wanita melibatkan diri dalam kerja-kerja amal dalam memberi kesedaran tentang kesihatan, kesedaran politik mula timbul dan menjadi lebih pesat apabila berlakunya cadangan Malayan Union. Peranan yang dimainkan oleh pemimpin persatuan wanita daripada Seberang Perai, Perak dan Selangor terutama oleh Zainab Abdul Rahman, Puteh Mariah dan Saleha Ali menjadi lebih tersusun di bawah satu jabatan wanita dalam UMNO. Menurut Harper;

“Self-help groups such as the kampung kumpulan kaum ibu were rapidly drawn into larger political movements-especially in opposition to the Malayan Union proposals. Under the leadership of women’s associations from Province Wellesley, Perak and Selangor - notably Zainab bte. Abdul Rahman, Puteh Mariah and Saleha bte. Ali - the kaum ibu came together at the UMNO General Assembly in 1946 as the organisation’s Women’s Department.”⁶⁷

Sesuatu yang menarik tentang Puteh Mariah yang dicatatkan dalam buku Harper ini selain dikatakan sebagai penyokong kuat Onn Jaafar, Puteh Mariah juga pernah menjadi Pengarah kepada akhbar Warta Negara yang cenderung kepada IMP dan

⁶⁷ T.N. Harper, *The End of Empire And The Making of Malaya*. New York. Cambridge. University Press. 1999, hlm. 71.





kemudiannya Parti Negara pimpinan Onn Jaafar. Ini berlaku sekitar tahun 1954, seperti yang dicatatkan Harper;

“In Penang, the 5,000 circulation Warta Negara had been another strong UMNO supporter, but by 1954 tended towards the IMP/Party Negara axis – Dato Onn’s ally, Datin Puteh Mariah, was a director.”⁶⁸

Pada halaman lain, Harper merakamkan bagaimana cabaran yang dialami oleh Tunku Abdul Rahman ketika mula-mula mengambil alih kepimpinan UMNO daripada Onn Jaafar selepas Onn Jaafar meletak jawatan sebagai Presiden UMNO. Antaranya adalah untuk berhadapan dan bekerja dengan ahli-ahli majlis tertinggi parti yang kebanyakannya merupakan pengasas UMNO dan diketahui sebagai penyokong kuat Onn Jaafar. Mereka adalah Puteh Mariah,⁶⁹ Zainal Abidin dan Dato Panglima Kinta,⁷⁰ seperti yang dinyatakan oleh Harper;

“Yet, the new leader was faced with a party whose old guard were turning away from it, and he was forced to work through an executive council packed with supporters of Dato Onn, such as Datin Puteh Mariah, Zainal Abidin and Dato Panglima Kinta.”⁶⁹

Tidak banyak yang diperkatakan oleh Harper tentang Puteh Mariah. Beliau mengaitkan tokoh ini dengan pergerakan Kaum Ibu dan seorang penyokong kuat Onn Jaafar. Satu fakta menarik yang tidak dikemukakan oleh mana-mana penulis lain ialah Harper menyatakan tokoh ini pernah menjadi Pengarah akhbar Warta Negara sekitar

⁶⁸ *ibid.*, hlm. 286.

⁶⁹ *ibid.*, hlm. 322.





tahun 1954. Bentuk tugas dan peranan yang dijalankan juga tidak dibincangkan. Begitu juga Harper tidak menyentuh banyak lagi perkara berkaitan tokoh ini.

Dalam buku terbitan Yayasan Perak berjudul *UMNO 10 Tahun 1946-1956*, nama Puteh Mariah disentuh secara sepintas lalu dalam bentuk senarai pada dua halaman yang berbeza. Puteh Mariah tersenarai sebagai salah seorang pemerhati daripada sembilan orang pemerhati, dan beliau mewakili Perikatan Melayu Perak pada Kongres Melayu Pertama yang diadakan di Sultan Sulaiman Club Kuala Lumpur pada 1,2,3, dan 4 Mac 1946. Beliau adalah satu-satunya wanita daripada lima belas orang jumlah perwakilan yang mewakili Perikatan Melayu Perak ketika itu.⁷⁰ Pada halaman seterusnya disebut tentang perlantikan Puteh Mariah untuk jawatan Pegawai Perkara-perkara Kaum Ibu. Ini berlaku pada 10, 11 dan 12 Januari 1947, dalam Persidangan Mesyuarat Majlis Agung UMNO di Balai Besar Alor Setar, Kedah. Dicatatkan seperti berikut;

“Di dalam Persidangan ini, lantikan pegawai-pegawai oleh Yang DiPertua bagi beberapa jabatan yang belum dilantik itu telah diisyiharkan dan telah dipersetujukan iaitu;

1. Cik Puteh Mariah Ibrahim Rashid, Ipoh, Perak- Pegawai Perkara-perkara Kaum Ibu.”⁷¹

Dalam buku ini nama Puteh Mariah disentuh sebagai salah seorang yang mewakili Perikatan Melayu Perak sebagai pemerhati dalam senarai kehadiran Kongres Melayu Pertama yang diadakan di Sultan Sulaiman Club, Kuala Lumpur. Nama beliau

⁷⁰ _____, *UMNO 10 Tahun: 1946-1956*, Ipoh: Yayasan Perak, 2007, hlm. 22-23.

⁷¹ *ibid.*, hlm. 54.





juga dikaitkan dengan lantikan untuk jawatan Pegawai Perkara-perkara Kaum Ibu dalam Persidangan Mesyuarat Majlis Agung UMNO pada 10, 11 dan 12 Januari 1947, di Balai Besar Alor Setar, Kedah. Tentunya tulisan ini tidak lengkap jika ingin mengetahui tentang Puteh Mariah secara lebih dekat. Justeru, kajian ini menyentuh dengan lebih mendalam berkaitan peribadi tokoh ini di samping mengetengahkan perjuangan beliau sebagai ahli politik wanita dalam memberi kesedaran terhadap kemerdekaan Tanah Melayu.

Secara keseluruhan dalam sorotan kajian lepas ini, maklumat berkaitan ketokohan Puteh Mariah ditulis secara ringkas tentang penglibatan Puteh Mariah dalam UMNO dan peristiwa beliau meninggalkan UMNO. Penerangan yang agak mendalam hanya berkisar kepada deretan jawatan-jawatan yang disandang beliau seperti dalam buku PERTIWI dan tulisan Alina Ranee. Tulisan Ramlah Adam bertajuk *Datin Putih Mariah Ibrahim Rashad: Isu-isu yang dibangkitkan dalam Majlis Perundangan Persekutuan* adalah penulisan khusus tentang diri beliau. Namun tiada penulisan biograf tentang beliau yang menyentuh secara mendalam tentang keluarga, zaman kanak-kanak, zaman persekolahan dan remaja beliau, ketokohnya sebagai ahli politik wanita, perjuangan dan sumbangan beliau kepada negara secara khusus. Menghargai segala sumbangan beliau, pada tahun 1987, Puteh Mariah telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam Undang-undang oleh Universiti Sains Malaysia sebagai bukti tokoh ini mempunyai karisma dan kebolehan luar biasa.





1.6 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan yang memberi penekanan kepada kaedah sejarah, iaitu suatu proses meneliti dan menganalisis secara kritis catatan dan tinggalan masa lalu. Apa yang dianalisis dan diteliti adalah sumber kajian sejarah itu sendiri. Kaedah ini, memfokuskan segala bukti dan dapatan bagi bahan penyelidikan yang dikumpul dalam bentuk dokumen, rekod-rekod, catatan-catatan peninggalan pihak British, hasil tulisan sama ada berbentuk rencana atau ilmiah yang pernah ditulis atau dijalankan kajian oleh pengkaji terdahulu.



Dokumen penyelidikan ini melibatkan catatan peristiwa, data-data statistik, tokoh-tokoh, anak-anak dan waris tokoh kajian, petikan akhbar dan majalah, surat-surat dan memorandum, undang-undang, akta, penyata dan institusi-institusi yang berkaitan dengan tokoh kajian dengan memberi tumpuan jangka masa 1946 sehingga 1957. Kesemua responden kajian berkenaan dijangka diperoleh daripada sumber utama dan sumber kedua.⁷² Sumber utama adalah bahan-bahan yang berupa dokumen, surat, sama ada yang rasmi atau tidak, catatan, laporan, buku harian, warkah, watikah dan titah perintah dan ada keadaan tertentu akhbar serta majalah dan peringatan yang boleh dianggap sebagai sumber utama. Sumber-sumber utama berupa bahan dokumen-dokumen ini adalah tersimpan di Arkib Negara, Muzium Negara, dan yang tersimpan di perpustakaan Institut

⁷² Muhd Yusuf Ibrahim, *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian, dan Kaedah*, Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, 2000, hlm. 156-160. Lihat juga perbincangan tentang sumber lisan, *ibid.*, hlm. 161.





Pengajian Tinggi (IPT), Perpustakaan Negara, Perpustakaan Negeri, atau yang berada dalam simpanan keluarga tokoh ini, pihak-pihak tertentu di dalam mahupun di luar negara. Sumber kedua pula merupakan kajian-kajian ataupun penulisan-penulisan yang telah dilakukan oleh seseorang ataupun kumpulan, tentang sesuatu peristiwa, tokoh-tokoh dan sebagainya dan kajian-kajian tersebut adalah juga berdasarkan sumber-sumber utama yang disebutkan.⁷³ Maklumat juga diperoleh daripada mikrofilem atau rekod-rekod bersejarah, maklumat daripada catatan atau karya biografi tokoh-tokoh tertentu yang pernah hidup sezaman dengan tokoh yang dikaji, atau mungkin yang masih hidup pada zaman yang menjadi fokus dan skop kajian.



Kajian ini juga menggunakan rekod-rekod era British, surat-surat persendirian, atau petikan akhbar yang wujud pada zaman hayat tokoh yang dikaji. Dokumen-dokumen ini mungkin diperoleh daripada simpanan Jabatan Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi seperti Perpustakaan Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Sains Malaysia, Muzium Negara, dan institusi-institusi lain yang berkaitan.

Penyelidikan ini juga menggunakan pendekatan tematik untuk menulis atau menyusun setiap bahagian atau bab. Di samping itu, tinjauan secara kualitatif terhadap bahan-bahan perpustakaan dijalankan bagi memahami elemen-elemen penting terhadap peristiwa bersejarah yang menjadi fokus kajian iaitu dari tahun 1946 sehingga 1957.

⁷³*ibid.*



Perbandingan segala bahan-bahan penulisan ilmiah atau dokumen-dokumen berkaitan dibuat bertujuan memastikan semua maklumat atau dapatan daripada bahan-bahan berkenaan dianalisis, dinilai, dibuat perbandingan, kesimpulan dan ditapis sebelum diterima atau dijadikan isi kajian.

Dokumen yang dikumpul diteliti dan disaring di mana bahan-bahan maklumat dianalisis dan tafsiran mengikut acuan dan disiplin sejarah. Selanjutnya, dapatan maklumat hasil tinjauan perpustakaan dan temu bual dianalisis dan penafsiran secara kualitatif. Dapatan kajian ditadbir dengan menggunakan beberapa kaedah yang dicadangkan oleh pengkaji-pengkaji sejarah terdahulu. Antaranya, menjalankan penyelidikan terhadap dokumen-dokumen sejarah, dengan membuat pentafsiran yang mencapai tahap objektif dan subjektif yang saintifik. Unsur-unsur yang bersifat objektif adalah bermaksud ‘sejarah sebagaimana terjadinya (*historire-realite*), sementara unsur-unsur yang bersifat subjektif adalah bermaksud ‘sejarah sebagai ditulis atau dikisahkan’ (*histoire-recite*).⁷⁴ Kajian ini juga menggunakan kaedah kuantifikasi iaitu menerapkan kaedah sains tulen dan sains sosial (kemasyarakatan) ke dalam disiplin sejarah.⁷⁵

Beberapa perkara penting dalam pendekatan ini adalah menekankan kepentingan penggunaan sumber asli dalam penyelidikan serta pendekatan yang kritis dalam penulisan

⁷⁴ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pengantar Ilmu Sejarah*, Kuala Lumpur & Pulau Pinang: Penerbit bersama Dewan Bahasa dan Pustaka dengan Pusat Pengajaran Luar Kampus Universiti Sains Malaysia, 1994, hlm. 104.

⁷⁵ Qasim Ahmad, *Karya Sejarah: Pendekatan dan Persoalan (edisi Kedua)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000, hlm. 145.





dan pentafsiran sejarah. Pengamatan terhadap sebarang dokumen berkaitan akan dibuat dengan rumusan yang objektif.

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah untuk memberi maklumat berkaitan biodata Puteh Mariah, mengkaji ketokohan Puteh Mariah sebagai ahli Politik Wanita dan pejuang yang membangkitkan kesedaran orang Melayu khususnya kaum wanita terhadap kemerdekaan Tanah Melayu. Melalui kajian ini diharapkan dapat memperkenal dan mengiktiraf seorang tokoh hebat bernama Puteh Mariah sebagai seorang pejuang bagi orang Melayu sebelum merdeka. Melalui fakta-fakta dan maklumat yang dinilai secara objektif dan sistematik mengikut proses kajian sejarah diharap dapat memberi kesedaran kepada kita bahawa terdapat seorang tokoh politik wanita berhaluan kanan yang perlu dikenang dan diangkat sebagai salah seorang pejuang kesedaran kemerdekaan Tanah Melayu khususnya bagi kaum wanita dan seluruh bangsa Melayu. Hal ini kerana perjuangan dan sumbangan tokoh ini seperti tenggelam bersama kemerdekaan yang dikecapi oleh negara kita. Kajian ini menggambarkan keadaan sebenar kisah-kisah perjuangan tokoh politik wanita ini yang semakin dilupakan walaupun perjuangan dan sumbangan beliau terhadap kesedaran kemerdekaan Tanah Melayu sangat penting.





1.8 Pembahagian Bab

Secara keseluruhan organisasi kajian yang bertajuk Puteh Mariah: Tokoh Politik Wanita Dalam Perjuangan Kesedaran Kemerdekaan Tanah Melayu 1946-1957 ini mempunyai lima bab. Dalam bab pertama terkandung pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, kajian lepas, metodologi kajian, definisi kajian, pembahagian bab dan kesimpulan. Permasalah kajian, objektif kajian dan kepentingan kajian dapat dikenalpasti di dalam bab ini. Analisis yang dibuat berkaitan kajian-kajian lepas dapat mengenalpasti tokoh wanita dan pejuang yang tidak dikenali dan belum dikaji oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu. Setelah penelitian dilakukan. Didapati terdapat ruang untuk Puteh Mariah yang tidak pernah dipilih oleh mana-mana penyelidik terdahulu untuk dikaji secara mendalam.



Bab kedua pula merupakan pengenalan tentang tokoh. Perbincangan yang mendalam berkaitan latar belakang tokoh yang merangkumi susur galur keluarganya, taraf pendidikan, perkahwinan dan personaliti tokoh. Tokoh ini merupakan seorang isteri, seorang ibu yang penyayang dan juga seorang pejuang yang hebat. Perwatakan beliau lemah lembut tetapi sangat tegas. Seorang yang peramah, beliau dapat menawan hati puluhan ribu wanita pada ketika itu untuk sama-sama bangkit berjuang mendapat kemerdekaan.

Bab ketiga merupakan perbincangan tentang penglibatan, pencapaian dan peristiwa-peristiwa penting yang melibatkan tokoh dalam bidang politik. Penglibatan tokoh dalam bidang politik bermula dengan Perikatan Melayu Perak, menyertai UMNO, menjawat jawatan Ketua Kaum Ibu UMNO, menyertai *Independence Malayan Party* dan yang terakhir menyertai Parti Negara. Tokoh ini percaya dengan melibatkan diri dalam politik beliau dapat membantu bangsa Melayu untuk bangkit menentang penjajah dan seterusnya mencapai kemerdekaan. Tokoh ini merupakan anak watan negeri Perak yang





sepatut dikenang sepanjang zaman. Permata negeri Perak ini amat istimewa disebabkan beliau sentiasa menjadi ‘yang pertama’. Hal ini kerana banyak jawatan atau peristiwa yang meletakkan beliau sebagai orang yang pertama atau orang yang mendahului. Tokoh ini berjaya membawa suara wanita untuk didengari sehingga pada peringkat kebangsaan. Tokoh wanita yang berjaya menyatu dan meniup semangat kesedaran terhadap puluhan ribu wanita Melayu untuk keluar dari kepompong yang sempit dan bangkit menuntut kemerdekaan.

Bab keempat pula merupakan analisis dan penilaian terhadap perjuangan tokoh sebagai ahli politik. Tokoh memperjuangkan kesedaran terhadap kemerdekaan Tanah Melayu, selain itu tokoh juga menggunakan jawatannya untuk memperjuang agama Islam dan Bahasa Melayu. Niat tokoh ini menjadi ahli politik adalah untuk memperjuang taraf pendidikan orang Melayu, ekonomi orang Melayu, membela kebijakan orang Melayu dan memperjuangkan kepentingan politik orang Melayu. Walaupun tokoh ini seorang wanita tetapi suaranya lantang dan berani dalam berhujah di hadapan pihak kolonial demi kepentingan dan kebijakan orang Melayu.

Bab kelima merupakan rumusan dan penutup kepada perbincangan berkaitan semua perbincangan yang terdapat dalam ban-bab dalam kajian ini. Bab ini juga mengandungi jawapan bagi permasalahan, persoalan dan objektif kajian. Bab ini juga mengandungi perbincangan berkaitan penemuan baru bagi kajian ini.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

53

1.9 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan dengan mendalam berkaitan aspek pengenalan kepada tokoh yang dikaji, latar belakang kajian, persoalan kajian, tujuan kajian, batasan kajian, kajian-kajian lepas berkaitan tokoh, kaedah kajian yang dijalankan, kepentingan kajian yang dijalankan serta definisi konsep kajian. Dapat dirumuskan bahawa bab ini membincang dan memperkenalkan Puteh Mariah sebagai tokoh yang patut dikaji berdasarkan fakta-fakta yang telah dibincangkan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi